

Oktober, 1995.

DEWAN RAKYAT YANG KESEMBILAN

PENYATA RASMI PARLIMEN

Penggal Yang Pertama

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)

Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)

“ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)

Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Tuan Chua Jui Meng, P.I.S. (Bakri)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)

“ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin (Kinabatangan)

“ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Megat Junid bin Megat Ayob, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)

“ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)

“ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)

“ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)

“ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)

“ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

“ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dr. Leo Michael Toyad, J.B.S. (Mukah)

“ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)

“ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)

“ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)

“ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

“ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)

“ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)

“ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)

“ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

“ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)

“ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)

“ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)

“ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)

“ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)

“ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)

“ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

“ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)

“ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

“ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar (Tebrau)

“ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Azmi bin Khalid, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein (Tenggara)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Tan Chai Ho, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Puan Shahrizat binti Abdul Jalil (Lembah Pantai)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

“ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)

“ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)

“ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)

“ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)

“ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)

“ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S.,
A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)

Yang Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A.,
S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)

“ Dato’ Haji Abu Dahari bin Osman, D.I.M.P., A.M.P., P.J.K
(Lipis)

“ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M, J.P., B.K.T. (Alor
Gajah)

“ Tuan Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, A.M.N. (Kuala
Pilah)

“ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P.
(Tambun)

“ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K.
(Jerantut)

“ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K.
(Bagan Datok)

“ Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P.
(Parit)

“ Tuan Akbarkhan bin Abul Rahman (Libaran)

“ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)

“ Tuan Asmat Nungka (Beluran)

“ Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin, B.K.M., P.J.K. (Yan)

“ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz (Hulu Langat)

“ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)

- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)

Yang Berhormat Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)

- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)

- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)

Yang Berhormat Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)

- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)

- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim, A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)

Yang Berhormat Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)

- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “ Tuan Othman bin Abdul, A.M.P., P.P.T. (Pendang)

- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)

Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)

Yang Berhormat Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)

- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Salamon bin Selamat, S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P.. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)

“ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)

“ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)

“ Tuan Tiong Thai King (Lanang)

“ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)

“ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)

“ Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)

Yang Berhormat Tuan Haji Wan Mohd Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)

“ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)

“ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)

“ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)

“ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)

“ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)

“ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)

“ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)

“ Dr.Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)

“ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)

“ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)

“ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali,
D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T.,
A.S.D.K.

Ketua Penolong Setiausaha: Said bin Sidik

Pmk. Ketua Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab

Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
Haji Suhor bin Husin

Pelapor Perbahasan Parlimen: Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Hajah Kalsom binti Ghazali
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaharah binti Naim
Norwahidah binti Azizi
Rozita binti Abd. Samad
Jainah binti Sakimin
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop

Bentara Mesyuarat: Lt Kol(B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 17hb. Oktober, 1995

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**SISTEM KOMPUTER DAN PIAGAM PELANGGAN
DI JPJ - KEBERKESANAN**

1. Tuan Yunus bin Rahmat minta Menteri Pengangkutan menyatakan sejauh manakah sistem komputer dan “Piagam Pelanggan” di JPJ telah dapat mengatasi masalah kelewatan urusan berikut iaitu:

- (a) pendaftaran kenderaan (pemasangan tempatan dan import) persendirian dan perdagangan;
- (b) pertukaran hak milik;
- (c) pembayaran lesen kenderaan motor (LKM);
- (d) pembayaran kompaun (saman); dan
- (e) pemerosesan dan pembayaran Lesen Memandu (baru dan pembaharuan), Lesen Vokasional (PSV/GDL) dan Lesen Belajar Memandu (PDL),

dan bolehkah Y.B. Menteri menyatakan adakah pelaksanaan sistem komputer berkenaan telah dapat mengatasi masalah penipuan oleh sindiket yang tidak bertanggungjawab.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan berkaitan adalah seperti berikut. Pelaksanaan sistem komputer Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) yang bermula secara berperingkat-peringkat sejak bulan November, 1992 telah meningkatkan keupayaan JPJ dari segi pengwujudan Pengkalan Data Pusat bagi kenderaan dan pemandu yang memudahkan perolehan maklumat secara 'on line real time', dengan izin, oleh semua pejabat JPJ di seluruh negara. Ini telah memudah, meringkas dan mempercepatkan semua urusan JPJ berbanding dengan sistem lama yang berbentuk manual. Sistem Komputer JPJ bersama-sama dengan Piagam Pelanggan yang diperkenalkan telah berjaya mengatasi masalah kelewatan urusan-urusan seperti berikut:-

JENIS TRANSAKSI	MASA SEKARANG	MASA DAHULU
(a) Pendaftaran kenderaan (pemasangan tempatan dan import) persendirian dan perdagangan	1 hingga 3 hari	3 hingga 7 hari
(b) Pertukaran hak milik	1 hingga 3 hari	10 hari
(c) Pembayaran lesen kenderaan motor	3 minit	10 minit
(d) Pembayaran kompaun (saman)	3 minit	10 minit
(e) Pemerosesan dan pembayaran lesen memandu serta lesen vokasional	30 minit	1 jam

Pelaksanaan sistem komputer di pejabat-pejabat JPJ tidak dapat menjamin terhapusnya penipuan dan penyelewengan yang dilakukan oleh sindiket-sindiket. Bagaimanapun, dengan adanya sistem komputer yang disokong oleh panduan kerja yang sistematik serta pengawasan yang berterusan, masalah ini adalah terkawal pada tahap yang minimum.

Tuan Kamarudin bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menyentuh tentang jawapan di bahagian (e), apa yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, saya ingin tahu apakah rasional atau pun alasan mengeluarkan lesen bentuk baru?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini mungkin pembaharuan lesen yang baru diisytiharkan oleh Ketua Pengarah JPJ. Saya suka memaklumkan bahawa tujuannya adalah untuk memasukkan nombor siri bagi membolehkan lesen-lesen yang telah dikeluarkan terdahulu dapat dikesan dengan menggunakan komputer, kerana yang terdahulu tidak mempunyai siri yang boleh dikesan melalui komputer. Itulah sebabnya mengapa dimintasupaya diperbaharui semula lesen-lesen yang telah dikeluarkan terdahulu bagi membolehkan sistem komputer digunakan apabila berlaku apa-apa permasalahan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebut mengenai masa sekarang yang diambil untuk beberapa permohonan, seperti untuk (c) pembayaran lesen kenderaan motor, (d) pembayaran kompaun, dan (e) pemerosesan dan pembayaran lesen memandu dan lain-lain mengambil masa 3 minit sahaja. Bukankah 3 minit ini ialah selepas

'queue', mungkin setengah hari, mungkin satu hari atau mungkin dua hari. Masalahnya ialah bukanlah 3 minit untuk proses, tetapi masalahnya ialah bermula daripada orang yang berkenaan pergi ke JPJ mahu membaharui permohonan mereka, masa yang diambil bukan 3 minit. Mana ada 3 minit perlu sahaja untuk bayar lesen, bayar kompaun? Mungkin dalam Waltz Disney adalah tetapi bukan dalam Malaysia.

Bilakah JPJ boleh menentukan bahawa 3 minit boleh selesai semua perkara dalam (c), (d) dan (e) dengan sebenarnya masa pergi ke JPJ?

Yang kedua, Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa selepas computerisation dan piagam pelanggan untuk pendaftaran kenderaan dan pertukaran hak milik, tempoh masa yang digunakan sekarang ialah dari 1 ke 3 hari berbanding dengan 10 hari dan lain-lain. Kenapa apabila sudah ada computerisation masih perlu 3 hari? Apa jenis computerisation itu? Mungkinkah computerisation yang terlewat sekali dalam dunia? *[Ketawa]* Bolehkah kita dapat keterangan dan bila dengan computerisation itu untuk jenis (a) pendaftaran kenderaan, dan (b) pertukaran hak milik, boleh diselesaikan dalam satu hari? Dan bilakah JPJ boleh menerima surat-menyurat atau correspondence melalui E-Mail? Adakah ini di dalam peringkat perancangan?

Dato' Wira Mohd. Ali bin Rustam: Tuan Yang di-Pertua, pengambilan masa tiga minit daripada masa pengguna memberikan lesen kepada Counter Clerk, dengan izin, tetapi kalau hendak masuk kira masa perjalanan memanglah lebih tiga minit. Kalau dari Pulau Pinang hendak membayar lesen di Kuala Lumpur

Yang Berhormat dari Tanjong boleh selesaikan dalam tempoh tiga minit, saya fikir beliau ajaiblah, jadi ‘superman’.

Tuan Lim Kit Siang: Masuk JPJ dan bukannya daripada Penang.

Dato’ Wira Mohd. Ali bin Rustam: Jadi, memasuk kira tempoh erjalanan, saya fikir ini tidak wajarlah.

Tuan Lim Kit Siang: Tak masuk perjalanan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tanjong, sila.....

Tuan Lim Kit Siang: Dia mahu putar-belit. [*Disampuk*] Jawab, jawab.

Jangan putar-belit, jawab!

Dato’ Wira Mohd. Ali bin Rustam: Tadi Yang Berhormat juga cerita waktu perjalanan, bukan?

Tuan Lim Kit Siang: Tidak!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya minta jangan diadakan dialog begini. Tidak boleh. Sila terus jawab. Yang Berhormat Tanjong, sila.

Tuan Lim Kit Siang: Bila sampai JPJ.

Dato’ Wira Mohd. Ali bin Rustam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Tanjong, beliau juga mengatakan tadi ‘Disney Land’. Jadi, kalau hendak datang dari ‘Disney Land’ ke Melaka membayar lesen, saya fikir dia memakan masa 24 jam. Tetapi kalau Yang Berhormat Tanjong boleh dari ‘disney land’...

Tuan Lim Kit Siang: Kalau macam ini, saya mahu protest. Cuba jawab yang jelaslah jangan main-main. Boleh jawab, jawab: kalau tidak boleh jawab, tak usah jawab. Ini main-main sahaja. Apa ini?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tanjong, sila.

Dato' Wira Mohd. Ali bin Rustam: Tuan Speaker, foolish question gets foolish answer, dengan izin.

Tuan Lim Kit Siang: Apa presiden WAY ini! *[Ketawa]*

Dato' Wira Mohd. Ali bin Rustam: Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat, saya suka memaklumkan bagi meningkatkan lagi keberkesanan sistem 3 minit ini kita telah menambah lebih banyak kaunter di semua pejabat JPJ di seluruh negara. Baru-baru ini pada minggu lepas buat kali pertama JPJ telah membuka 'drive-in payment counter'. Ertinya, sekiranya Yang Berhormat biasa berbaris di dalam pejabat sekarang ini di dalam kereta sahaja boleh bayar terus di 'drive-in payment counter', dengan izin. Ini telah dimulakan di Muar pada minggu lepas dan selepas ini akan dimulakan di Johor Bahru dan akan diteruskan di seluruh negara. Ini satu lagi usaha JPJ untuk memberikan kemudahan yang cepat kepada pengguna-pengguna JPJ untuk membayar lesen dalam tempoh yang lebih selesa dan lebih cepat. Dengan ini dapat menyelamatkan masa dan juga wang. Sekiranya dia tidak menggunakan 'drive-in payment counter' mungkin mereka kena parking dahulu kereta dan ini kena bayar parking fees sebanyak 50 sen atau RM1. Ini satu kemudahan lagi yang diberi oleh JPJ.

Mungkin Yang Berhormat Tanjong kalau hendak mengucapkan terima kasih, saya amat suka hatilah. *[Ketawa]*

Satu lagi yang terakhir apa pertanyaannya?

Tuan Yang di-Pertua: Habis.

Tuan Lim Kit Siang: Belum habis lagi. Soalan saya, untuk (a) dan (b) boleh diselesaikan dalam satu hari dan bukannya tiga hari dan bila JPJ boleh menerima surat menyurat melalui electronic mail (E-Mail)?

Dato' Wira Mohd. Ali bin Rustam: Tuan Yang di-Pertua, kepada mengurangkan lagi hari, kita telah berjaya mengurangkan kepada 1 hingga 3 hari yang dahulunya 10 hari. Untuk memendekkan lagi JPJ sedang berusaha supaya tempoh ini dapat dikurangkan lagi. Penggunaan E-Mail, kita belum ada rancangan lagi tetapi sekiranya sesuai, pada masa depan bolehlah ditimbangkan.

KOPERASI - LANGKAH DAN PENDEKATAN UNTUK MANFAAT AHLI

2. **Tuan Zainal Abidin bin Haji Osman** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan langkah-langkah yang dilakukan oleh pihak kementerian dalam memastikan badan koperasi di negara ini sentiasa berdaya maju dan memberi manfaat kepada ahli-ahlinya.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Goh Cheng Teik]: Tuan Yang di-Pertua, dalam menolong memastikan badan koperasi di negara ini sentiasa berdaya maju dan memberi manfaat kepada ahli-ahlinya, kementerian melalui Jabatan Pembangunan Koperasi melaksanakan pendekatan program-program seperti berikut:

- (i) mengadakan seminar, kursus dan bengkel pengurusan koperasi untuk mempertingkatkan pengetahuan di kalangan anggota-anggota dan pemimpin-pemimpin koperasi di dalam tatacara pengurusan perniagaan, pengurusan kewangan dan perakaunan. Ini dilakukan di bawah Program Pembangunan JPK.
- (ii) Membimbing, menunjuk ajar serta memberi penyeliaan yang berterusan kepada koperasi. Sehubungan dengan ini, di bawah Program Sokongan Pentadbirannya, JPK memperlengkapkan pegawai dan kakitangan dengan latihan dalam pengurusan kewangan, pelaburan, perakaunan dan perundangan bagi menjamin perkhidmatan yang berkualiti dapat diberikan kepada koperasi.
- (iii) Bagi koperasi yang mempunyai projek daya maju yang memberi manfaat kepada ahli-ahli tetapi menghadapi masalah kewangan, JPK di bawah Program Pembantuan Ekonomi menyediakan bantuan melalui peruntukan bantuan pembangunan JPK dan juga pinjaman dari tabung modal pusingan.
- (iv) Di bawah Program Kawalselia mengambil tindakan penguatkuasaan dan kawalan mengikut Akta Koperasi 1993 terhadap pengurusan koperasi bagi memastikan pengurusan

kegiatan koperasi dijalankan secara bertanggungjawab dan berketelusan; dan akhirnya

- (v) Jabatan Pembangunan Koperasi juga telah mengeluarkan panduan utama kepada koperasi-koperasi dalam bentuk pekeliling kemajuan pentadbiran dan pengurusan koperasi bagi membantu mempertingkatkan tanggungjawab Lembaga dalam tatacara pengurusan kewangan dan perakaunan dan juga bagi memastikan perkara-perkara penting dalam pengurusan dan perjalanan koperasi telah dibincangkan dan keputusan terbaik untuk masa depan koperasi dibuat.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana terdapat kes-kes di mana koperasi peneroka-peneroka di Felda mempunyai kenderaan-kenderaan bagi mengangkut buah-buah kelapa sawit. Apa yang menjadi permasalahan sekarang ialah koperasi-koperasi ini telah memohon permit pengangkutan tetapi masih banyak tidak diluluskan dan didapati koperasi-koperasi ini telah menggunakan kenderaan-kenderaan ataupun lori-lori hantu, lori yang bergerak tanpa permit dan ini menimbulkan permasalahan kepada koperasi-koperasi tersebut apabila kenderaan-kenderaan telah ditangkap oleh pihak-pihak penguatkuasaan. Jadi, apakah tindakan kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi membantu koperasi-koperasi yang menghadapi masalah yang sedemikian supaya program perniagaan oleh koperasi-koperasi tersebut dapat diteruskan? Terima kasih.

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Ahli Yang Berhormat sendiri pun boleh membantu koperasi berkenaan untuk mendapatkan lesen-lesen pengangkutan. Tetapi sekiranya kementerian boleh bekerjasama

dengan Yang Berhormat, sila memberi butir-butir supaya Felda dan kementerian dapat memberi sokongan kuat.

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menelangkan....

Seorang Ahli: ‘Menelangkan’?

Tuan Liew Ah Kim: Menerangkan, ya! *[Ketawa]* peratusan ataupun berapa buah syarikat koperasi setakat ini yang betul-betul membawa manfaat ataupun kepentingan kepada ahli-ahli yang berkenaan? Memandangkan perkara penderitaan di mana syarikat-syarikat koperasi telah pun ditutup akibat kerugian yang besar kepada ahli-ahli yang berkenaan, koperasi-koperasi yang diusahakan oleh parti UMNO atau MCA dalam tahun 60-an, 70-an ataupun 80-an.

Tuan Yang di-Pertua: Soalannya? *[Ketawa]*

Tuan Liew Ah Kim: Soalannya itulah. Berapa buah syarikat koperasi yang betul-betul dapat membawa kepentingan kepada ahli-ahli yang berkenaan?

Kedua, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menjamin kepentingan dapat diberi kepada semua ahli-ahli, iaitu peserta-peserta di dalam sesuatu koperasi yang berkenaan?

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, malangnya saya tidak dapat jawab cerita tahun 60-an atau 50-an, kerana kita sekarang dalam masa 90-an. *[Ketawa]* Sukacita saya memberitahu Ahli Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini bahawa lebih kurang 90% koperasi adalah dalam keadaan baik. Cuma lebih kurang 10% yang tidak berjaya.

Tentang langkah-langkah yang diperlukan untuk menjamin bahawa mereka berjalan dengan lebih baik, saya pun tadi sudah jawab semasa jawab soalan asal.

PENDERAAN TAHANAN - JAMINAN POLIS

3. **Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) apakah jaminan pihak polis tidak akan mengguna penderaan/torture bagi mendapat pengakuan/confession dari pihak yang mereka anggap telah melakukan kesalahan;
- (b) pernah disiarkan dalam akhbar bahawa tahanan di bawah ISA didera. Apakah tahanan ISA masih menjadi mangsa penderaan; dan
- (c) penderaan boleh berlaku dalam bentuk fizikal dan mental. Bukankah kedua-duanya melanggar hak asasi manusia khususnya dari sudut Islam.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, pihak polis tidak mempunyai kuasa atau dibenarkan untuk mendera mana-mana individu yang disoal siasat sama ada di bawah Seksyen 117 Kanun Acara Jenayah ataupun di bawah Seksyen 73(1) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960. Seksyen 113(A) Kanun Acara Jenayah jelas mengatakan bahawa seseorang itu tidak boleh dipaksa atau diugut semasa membuat pernyataan. Oleh yang demikian, tidak sepatutnya wujud masalah penderaan. Individu-individu yang disoal siasat oleh pihak polis, sekiranya tidak berpuas hati semasa membuat pengakuan, boleh menolak dari menandatangani pernyataan rakaman percakapannya. Sebaliknya individu terbabit boleh membuat laporan terhadap pegawai penyiasat melalui keluarga atau peguamnya supaya tindakan tertentu boleh diambil terhadap pegawai berkenaan.

Sistem keadilan negara ini melindungi hak-hak tahanan berdasarkan peruntukan undang-undang yang ada. Dalam konteks ini tidak timbul soal melanggar hak asasi manusia atau peraturan perundangan Islam.

Tuan Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri. Selama ini di Kementerian Dalam Negeri, ada atau tidak rekod kementerian dengan cara berlemah lembut, seseorang penjenayah itu akan membuat pengakuan. Yang kedua, tidakkah perbuatan penjenayah ataupun orang-orang yang melakukan kesalahan di bawah ISA ini juga melanggar hak asasi manusia?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang secara profesional, polis perlu menggunakan mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan, sama ada cara perangai soal siasat itu bergantung kepada personality. Tetapi peraturan itu tetap perlu dipatuhi. Yang mengatakan ISA ini sama ada juga melanggar hak asasi, memang apabila kerajaan mengemukakan ISA dan dilulus oleh Parlimen ini, tujuan asalnya ialah kerana mereka yang ditahan ini adalah mereka yang telah mengakibatkan banyak masalah kepada negara, dan pastilah jelas sekali mereka ini telah mengancam hak-hak asasi orang awam pada keseluruhannya.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana pengakuan orang yang ditahan ISA kerana melanggar hak asasi dan orang yang melanggar hak asasi manusia itu telah menjadi Timbalan Perdana Menteri. Soalan saya, baru-baru ini pihak polis mengeluarkan kenyataan bahawa mereka ada bukti yang kukuh tentang jenayah yang dilakukan oleh mereka yang

menyebarkan kad pengenalan atau menjual kad pengenalan palsu di Sabah. Kalau pihak polis mempunyai bukti yang cukup, kenapa tidak dakwa mereka ke mahkamah, sebab kita lihat sekarang ini kesalahan-kesalahan jenayah biasa pun telah mula diletakkan di bawah ISA. Adakah ini satu trend baru pihak Kementerian Dalam Negeri?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar mengatakan kerajaan gunakan ISA untuk jenayah-jenayah biasa. Kerajaan hanya guna ISA untuk mereka yang telah nampak gejala jelas boleh mengakibatkan memudaratkan ketenteraman awam dan keselamatan dalam negeri. Bagi tahanan-tahanan di Sabah kerana memalsukan kad pengenalan ini, ini bukan satu perkara kecil dan bukan satu jenayah biasa, kerana sindiket-sindiket yang disyaki ini adalah melibatkan diri untuk membuat kad-kad pengenalan palsu yang setakat ini pihak polis telah mengesan sekurang-kurangnya 8,000 kad pengenalan palsu telah dikeluarkan kepada pendatang tanpa izin. Mungkin bilangan sebenarnya lebih daripada itu. Kalau sekiranya kita tidak bertindak dengan cepat dan berkesan dengan hanya guna ISA, mungkin satu hari Sabah kita sudah tidak tahu siapa itu betul-betul orang Malaysia dan siapa itu orang luar. Maka tindakan kerajaan setakat hari ini menangkap 26 orang di bawah ISA, di mana 4 orang telah pun dimasukkan ke dalam tahanan Kemunting, ini adalah satu tindakan saya rasa untuk menjamin keselamatan dan ketenteraman negara ini.

PENCEGAHAN PENYELEWENGAN DAN PENGAWASAN

4. **Dr. L Krishnan** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan memandangkan kebanyakan peniaga menaikkan harga pada musim perayaan sewenang-wenangnya:

- (a) berapakah jumlah kes yang dikompaun membabitkan peniaga yang melanggar peraturan pada musim perayaan tahun 1994; dan
- (b) adakah kementerian mempunyai tenaga kakitangan yang mencukupi di bahagian Penguatkuasaan untuk mencegah penyelewengan dan menjamin pengawalan harga barang-barang keperluan pada musim perayaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan;

- (a) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah mengkompaun 2,080 peniaga kerana melanggar pelbagai undang-undang yang dikuatkuasakan di sepanjang tempoh musim perayaan 1994. Sebanyak RM351,165.00 nilai kompaun telah dikutip. Butir-butir pengkompaunan adalah seperti berikut:-

Musim Perayaan	Bil. Kes	Nilai Kompaun
Tahun Baru Cina dan Hari Raya Puasa	1,299	RM207,965.00
Deepavali dan Krismas	781	RM143,200.00
Jumlah	2,080	RM351,165.00

- (b) Bahagian Penguatkuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna diperuntukkan dengan jawatan berikut bagi maksud pencegahan penyelewengan dalam perdagangan serta pengawasan termasuk

pengawasan ke atas harga barang-barang keperluan terutama pada musim-musim perayaan. Pegawai Penguatkuasa.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dia tanya adakah pegawai ini cukup atau tidak.

Tuan Tan Chai Ho: Ya, saya jawab sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Jawapan hendaklah jangan beritahu siapa dia, siapa dia. Dia tanya cukup atau tidak?

Tuan Tan Chai Ho: Pegawai Penguatkuasa ialah 39 orang, Penolong Pegawai Penguatkuasa 497 orang.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukup atau tidak, Yang Berhormat?

Tuan Tan Chai Ho: Ya, bilangan ini sudah tentu tidak mencukupi, Tuan Yang di-Pertua. Dalam hubungan ini sukacita saya maklumkan bahawa pihak kementerian telah pun meminta agensi pusat mempertimbangkan tambahan perjawatan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sejauh manakah pelaksanaan yang dijalankan oleh pihak kementerian adalah konsisten dan sama ada di antara kompaun-kompaun yang dikenakan termasuk juga EON Berhad, memandangkan EON telah menaikkan harga kereta Proton khususnya apabila sesuatu tempahan dibuat kalau kereta ini dihantar enam bulan kemudian, harga kereta yang dikenakan adalah lebih daripada harga yang ditempah. Dan kalau tidak, bolehkah saya bertanya, bukankah ini menunjukkan bahawa pihak kementerian bersikap tidak tuntas dan menunjukkan bahawa mereka memihak kepada syarikat-syarikat besar di mana syarikat-syarikat kecil hanya dikenakan tindakan tetapi syarikat besar dikecualikan kerana mereka penyokong kuat Barisan Nasional dan penderma kepada MCA.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertu, pertanyaan Ahli Yang Berhormat saya rasa telah terkeluar dari soalan asal kerana soalan asal adalah berkaitan dengan harga barang musim perayaan.

Tuan Lim Guan Eng: Bolehkah saya mendapat keputusan daripada Speaker, sama ada ini terkeluar atau tidak kerana saya rasa saya bertanya berkenaan dengan kompaun, sama ada termasuk EON Berhad atau tidak, saya rasa itu berkaitan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dia minta ruling daripada saya Yang Berhormat, nampaknya soalan itu termasuk. *[Tepuk]* Yang Berhormat, soalnya adakah EON kena kompaun atau tidak, itu sahaja. Jawab ya atau tidak - itu sahaja.

Tuan Tan Chai Ho: Tidak. *[Ketawa]*

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kerana memandangkan perayaan di Malaysia pada penghujung tahun ini dan awal tahun hadapan dekat-dekat semua, minggu hadapan Deepavali dan Disember, Krismas dan awal tahun hadapan Hari Raya Cina dan Hari Raya Puasa. Apakah jaminan awal kerajaan dan langkah awal kerajaan memastikan bahawa barang-barang keperluan ini tidak meningkat?

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap supaya laporan tahun depan, bila ditanya bukanlah angka tangkapan yang menjadi kebanggaan kita tetapi apakah kawalan yang sebenarnya yang mungkin berkesan kepada rakyat Malaysia?

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, seperti biasa, kerajaan mengisytiharkan 25 jenis barang keperluan sebagai barang kawalan di samping barang kawalan yang sedia ada. Langkah ini dilaksanakan dengan tujuan untuk membolehkan kementerian saya mengawal selia pengedaran dan penjualan barang-barang keperluan bagi menjamin bekalannya mencukupi dan boleh dibeli dengan harga yang berpatutan di sepanjang musim hari perayaan.

Kementerian saya juga mengadakan mesyuarat atau dialog dengan persatuan-persatuan atau pihak yang terlibat untuk memastikan barang-barang keperluan mencukupi, tidak ada pihak yang mengambil kesempatan untuk meraih keuntungan berlebihan secara pengeksploitasian keadaan. Di samping itu, penguatkuasa kementerian saya menjalankan pemeriksaan ketat di setiap premis urusan di seluruh negara. Tindakan tegas akan diambil jika mana-mana pihak yang didapati menyorok, enggan menjual atau melakukan stor. Langkah-langkah ini adalah untuk menjamin bekalan barangan hari perayaan yang mencukupi.

GURU SEKOLAH RENDAH/MENENGAH - KEKURANGAN

5. **Tuan Radin Malleh** minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) jumlah kekurangan guru-guru di sekolah-sekolah kerajaan dalam peringkat:-
 - (i) Sekolah Rendah
 - (ii) Sekolah Menengah; dan
- (b) apakah usaha kerajaan yang sedang dan yang akan diambil untuk menangani masalah ini.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.

Yunus]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah kekurangan guru di sekolah-sekolah rendah di seluruh negara adalah seramai 14,768 orang pada tahun 1995. Jumlah kekurangan guru sekolah-sekolah menengah di seluruh negara ialah seramai 3,568 orang pada tahun 1995.
- (b) Masalah kekurangan guru di sekolah rendah akan dapat dikurangkan dengan pengeluaran guru-guru pengambilan dua kali setahun yang akan keluar mulai Disember 1995 hingga 1997.

Bagi sekolah menengah, pengambilan dua kali setahun telah dilaksanakan bagi kursus perguruan lepasan ijazah dan kursus perguruan lepasan diploma mulai Jun 1995.

Selain dari itu, kursus Program Kembar di antara beberapa maktab perguruan dan universiti-universiti tempatan dan luar negeri juga sedang dilaksanakan.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini Menteri Pendidikan telah mengumumkan bahawa mulai tahun 1996, kementerian tidak akan lagi mengambil guru-guru sandaran. Adakah ini bermakna menjelang tahun 1996, masalah kekurangan guru-guru ini akan dapat diatasi dengan tidak ada pengambilan guru-guru sandaran ini. Dan apakah keputusan ataupun perkembangan mengenai memorandum yang telah dikemukakan oleh guru-guru kepada Menteri?

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua, adakah kerajaan bercadang untuk menambah lagi maktab-maktab perguruan supaya banyak lagi guru-guru dapat dilatih dengan sempurna?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, memang benar Yang Berhormat Menteri ada membuat pengumuman tentang guru-guru sandaran ataupun kedudukan guru-guru sandaran dan dalam masa yang sama juga, kita berikhtiar untuk menampung keperluan ini dengan mengambil semula guru-guru yang telah bersara. Dan kita harap melalui langkah-langkah yang diambil seperti yang telah saya katakan tadi, soal ini dapat kita atasi seberapa cepat yang boleh.

Saya kurang jelas tentang memorandum mengenai perkara apa yang diberi kepada Yang Berhormat Menteri ini, tidak disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Yan, banyak memorandum yang kita terima.

Tentang penubuhan maktab-maktab, memang ada rancangan kita untuk menambah maktab-maktab yang sedia ada sebagai satu cara juga untuk hendak menampung keperluan guru-guru di negara kita ini.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyebut sebagai suatu langkah untuk mengurang ataupun mengatasi masalah kekurangan guru di sekolah dengan mengadakan temuduga dua kali setahun, itu salah satu caranya,

Tuan Yang di-Pertua, temuduga banyak kali sekali pun, pada pandangan saya tidak menyelesaikan masalah. Bolehkah kementerian mengkaji semula syarat-syarat kemasukan guru-guru sekolah rendah, guru-guru sekolah menengah dan guru-guru berijazah ini supaya dapat melonggarkan syarat-syarat kemasukan dan dengan cara demikian jumlah candidate atau calon yang boleh menjawat jawatan guru akan menjadi lebih ramai. Dengan cara ini, saya rasa akan dapat mengurangkan sedikit. Adakah kementerian bersedia untuk mengkaji semula syarat-syarat kemasukan guru-guru dalam skim yang sedia ada sekarang?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, salah satu perkara yang kita tekankan dalam bidang pendidikan kita ialah soal kualiti, guru kualiti, kaedah dan lain-lain. Kita cuba mungkin boleh kita fikirkan dari segi kesesuaiannya, tetapi daripada syarat-syarat yang sedia ada untuk pengambilan berbagai jenis guru di semua peringkat, kita tidak boleh lari daripada soal kualiti

guru yang hendak kita keluarkan itu nanti, insya-Allah, kita boleh fikirkan perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

SKIM KEUTAMAAN AM (GSP) - KESAN EKSPORT

6. **Tuan Lim Guan Eng** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan berkaitan dengan Amerika Syarikat menghentikan pemberian Skim Keutamaan Am (GSP) pada 1.1.1997:

- (a) apakah kesan kepada eksport Malaysia ke Amerika Syarikat dan nyatakan jumlah eksport yang bergantung kepada GSP di Amerika Syarikat untuk setiap tahun di antara 1990-1995;
- (b) adakah Malaysia menerima sebab yang diberikan oleh United States Trade Representative Micky Kantor untuk menghentikan GSP dan kalau tidak mengapakah Malaysia tidak membantahnya secara rasmi;
- (c) mengapakah rayuan tidak akan dibuat untuk mengekalkan GSP memandangkan Malaysia masih belum mencapai status negara membangun; dan
- (d) adakah penarikan balik GSP merupakan tindakan balas dendam Amerika Syarikat terhadap Malaysia kerana pendirian tegas mempertahankan hak rakyat Bosnia dan mengkritik sikap talam dua muka Amerika Syarikat.

25.10.95

9. **Tuan Lim Guan Eng** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) berapa banyak negara yang eksport kita bergantung ke atas keistimewaan Skim Keutamaan Am (GSP) dan senaraikannya;
- (b) berikan pecahan eksport yang bergantung kepada GSP mengikut kumpulan Amerika Syarikat, Kanada, Eropah, Jepun, Oceania (Australia dan Jepun) di antara setiap tahun 1990-1995;
- (c) nyatakan peratus eksport GSP di atas dari segi Keluaran Kasar Negara dan keseluruhan eksport tahunan; dan
- (d) adakah eksport GSP ke negara lain akan terjejas selepas penghentian pemberian GSP oleh Amerika Syarikat mulai 1.1.97, lebih-lebih lagi bila Malaysia enggan merayu menentang penarikan balik GSP.

30.10.95

15. **Tuan Teu Si @ Chang See Ten** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah kesan sampingan keseluruhannya yang bakal wujud selepas Sistem Keutamaan Am (Generalised System dan References) ditarik balik oleh Amerika Syarikat pada tahun 1997.

30.11.95

12. **Tuan Lim Siang Chai** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) memandangkan GSP akan ditarik balik oleh Amerika Syarikat pada 1.1.1997, adakah kementeriannya akan membuat kajian mengenai impak dan kesannya terhadap syarikat tempatan yang bergantung eksport ke Amerika Syarikat; dan
- (b) apakah langkah-langkah akan diambil oleh kementeriannya untuk memastikan syarikat tempatan terus mampu bersaing di pasaran Amerika Syarikat.

11.12.95

3. **Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan tentang sejauh mana kesan penarikan GSP (General Special Preference) Amerika Syarikat terhadap industri Malaysia. Apakah mereka mampu bersaing dengan keluaran/produk lain.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan-soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bertarikh 25hb. Oktober, Ahli Yang Berhormat daripada Gelang Patah bertarikh 30hb. Oktober, Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya Selatan bertarikh 30hb. November dan Ahli Yang Berhormat daripada Rompin bertarikh 11hb. Disember, kerana ianya ada kaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, penarikan balik status GSP oleh Amerika Syarikat mulai 1.1.1997 tidak akan menjejaskan eksport Malaysia ke Amerika Syarikat dan tidak sepatutnya dijadikan sebagai penghalang untuk terus mempertingkatkan lagi eksport ke pasaran tersebut.

Ini memandangkan perbezaan cukai di bawah skim GSP berbanding dengan tahap cukai di bawah status negara keutamaan 'Most Favourite Nation' (MFN) dengan izin, sememangnya akan berkurangan secara progresif berikutan dengan persetujuan penurunan cukai mulai tahun 1995 hingga tahun 1999 oleh negara tersebut di bawah rundingan Pusingan Uruguay. Kementerian sejak awal lagi telah

mengingatkan para pengeksport di negara ini untuk membuat persediaan bagi menghadapi kemungkinan penarikan balik kemudahan GSP oleh mana-mana negara, termasuk Amerika Syarikat. Kerajaan tidak bersetuju sepenuhnya dengan sebab-sebab yang diberikan oleh wakil perdagangan Amerika Syarikat untuk menarik balik status GSP ke atas Malaysia. Bagaimanapun, kerajaan tidak akan mengemukakan rayuan untuk Malaysia supaya dikekalkan status GSP.

Pemberian GSP merupakan hak negara pemberi dan keistimewaan tersebut boleh ditarik balik tanpa berunding atau mendapat persetujuan negara penerima. Kerajaan juga berpendapat sekiranya Malaysia mengemukakan rayuan berkemungkinan negara tersebut akan mengenakan lain-lain syarat yang tidak akan ada kaitannya dengan perdagangan dan GSP. Pihak pentadbiran Amerika Syarikat memaklumkan bahawa penarikan balik skim GSP kepada Malaysia berasaskan Malaysia telah dianggap sebagai pengeksport yang kompetitif dan pada tahun 1994 telah menguasai 27.4% dari jumlah keseluruhan import di bawah skim GSP negara tersebut.

Setakat ini kerajaan tidak mengetahui sama ada terdapat kaitan di antara penarikan balik status GSP dengan pendirian Malaysia mengenai isu-isu antarabangsa termasuk isu Bosnia. Eksport GSP Malaysia ke negara-negara lain tidak akan terjejas selepas penarikan balik GSP oleh Amerika Syarikat. Ini disebabkan program GSP Amerika Syarikat tidak berhubung kait dengan program GSP negara-negara lain.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, eksport Malaysia ke Amerika Syarikat di bawah skim GSP pada tahun 1990 bernilai RM2,326 juta iaitu 17% dari keseluruhan eksport Malaysia ke negara tersebut. Bagi tahun 1994, ianya bernilai RM5,920 juta atau 18% dari jumlah keseluruhan eksport ke Amerika Syarikat. Bagi tempoh 6 bulan pertama, 1995 ianya bernilai RM2,238 juta iaitu 13%. Lain-lain negara, destinasi utama eksport Malaysia di bawah skim GSP ialah Kesatuan Eropah, Jepun, Kanada, Switzerland, Norway, Australia dan New Zealand.

Bagi tahun 1994 peratusan eksport GSP Malaysia berbanding dengan jumlah keseluruhan eksport negara ialah 15%. Berbanding dengan Keluaran Negara Kasar pula eksport GSP adalah 13%. Maklumat terperinci mengenai pecahan eksport Malaysia di bawah skim GSP Amerika Syarikat dan lain-lain destinasi bagi tempoh 1990 hingga 1995 akan diberikan secara bertulis.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi telah diperjelaskan di dalam Dewan yang mulia tentang perkara-perkara yang berbangkit daripada penarikan balik GSP. Soalan tambahan saya yang pertama, adakah industri tempatan kukuh dan bersedia untuk menghadapi satu kekosongan pasaran sekarang yang mereka tidak punyai lagi seperti dahulu di Amerika Syarikat. Adakah mereka merancang mempelbagaikan pasaran mereka dan apakah usaha-usaha kementerian tentang perkara ini?

Keduanya, selalunya kita dengar kalau ada perbalahan di antara negara Jepun dengan negara Amerika, misalnya sesuatu tindakan yang dibuat oleh negara

Amerika, Jepun akan membuat tindakan balasnyanya. Mengapa tidak kita? Kita dengar baru-baru ini mereka mendesak supaya industri services kita dan industri kewangan kita dibuka supaya mereka boleh masuk. Mengapa kita tidak berhati-hati dalam perkara ini? Saya, malah mengatakan bahawa sama ada kerajaan akan bertindak sebagai usaha untuk mengambil satu tindakan balas, tetapi sekurang-kurangnya kita ambil ingatan supaya ini tidak berlaku kepada kita dan dengan sewenang-wenangnyanya mereka berbuat kepada kita.

Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, sama ada syarikat tempatan kukuh atau tidak dengan penarikan GSP ini, saya ingin sarankan bahawa kita tidak ada pilihan lain. Kita mesti dan harus menerima hakikat bahawa kemudahan ini adalah kemudahan sementara dan telah diberikan kepada kita daripada sebelah pihak sahaja dan perjumpaan kementerian kami dengan wakil-wakil dari pengilang dan pengeksport - mereka telah memberikan pandangan bahawa mereka akan melihatnya sebagai satu cabaran di mana tindakan-tindakan pro-aktif seperti meningkatkan keluaran dan keupayaan masing-masing dan daya persaingan bagi mempelbagaikan destinasi eksport seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rompin tadi di pertingkatkan lagi dan kita memikirkan bahawa ianya wajar kita terima hakikat bahawa kita tidak ada pilihan lain, tetapi kita harus bersaing dalam perkara ini.

Keduanya, dari segi tindakan balas, memang saya menghormati pandangan Ahli Yang Berhormat dari Rompin dan ianya akan menjadi bahan ingatan, tetapi saya rasa kerajaan akan memikirkan sepenuhnya tindakan-tindakan

sekiranya harus diambil atau tidak, kerana ianya mungkin membawa implikasi yang tidak dapat kita lihat pada masa ini.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Memandangkan bahawa kriteria yang ditetapkan oleh Amerika Syarikat sendiri tentang pemberian GSP, di antara kriteria bahawa sesebuah negara telah graduate, dengan izin, mesti mencapai GSP perkapita US\$8000, tetapi Malaysia hanya mencapai tahap setengah daripada syarat yang dikenakan oleh Amerika Syarikat. Memandangkan sedemikian, mengapakan negara Malaysia bersikap angkuh dan menganggap kita sudah maju dan mampu berdaya saing, apabila negara lain seperti Singapura, Hong Kong, Taiwan dan Korea Selatan hanya, dengan izin, digraduated apabila mereka mencapai tahap perkapita GNP yang ditetapkan. Bukankah ini akan memberikan kerugian besar kepada ekonomi negara?

Kedua, yang penting, apakah penerimaan penarikan balik GSP ini akan dijadikan sebab oleh negara-negara lain di Benua Eropah, di Kanada, di Australia dan di New Zealand untuk bersama-sama menarik balik GSP kalau kita tidak membantah penarikan balik GSP ini memandangkan bahawa GSP ini digubal dan dirangka oleh satu persetujuan antarabangsa perdagangan, kerana macam mana kita boleh menghalang negara-negara tersebut menggunakan alasan yang sama dengan Amerika Syarikat untuk menarik balik GSP Malaysia?

Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan tidak menafikan bahawa keputusan Amerika Syarikat untuk menarik balik

GSP tadi adalah tidak munasabah, tidak adil, tidak wajar dan tidak berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh mereka sendiri. Mengikut syarat pendapatan perkapita memang Malaysia jauh lebih rendah daripada negara-negara lain yang sebelum ini telah ditarik balik kemudahan GSP dan memang ada double standard dan berbezanya layanan mereka terhadap negara-negara lain, sekiranya dibandingkan layanan mereka kepada Malaysia. Tetapi seperti yang saya sebutkan tadi, bahawa kita harus menerima hakikat - pertamanya, kemudahan tadi adalah kemudahan sementara sahaja dan kita telah menikmati kemudahan ini selama 25 tahun.

Keduanya, kuasa dan keputusan mengenai sama ada kekal atau tidak kemudahan ini adalah tidak di dalam tangan sebelah pihak sahaja dan akhir sekali sebelum ini, kita telah berunding, berbincang dengan Amerika Syarikat dengan tujuan mengekalkan kemudahan-kemudahan ini dan jelas pendekatan kita tidak berjaya.

Maka, kerajaan mengharapkan bahawa kita terima hakikat ini dan memikirkan lebih proaktif dan syarikat-syarikat swasta, pengilang dan pengeksport dalam perundingan dan perbincangan dengan kementerian kami telah menyatakan bahawa mereka tidak mahu membuat rayuan kepada keputusan ini.

Saya ingin mengingatkan kepada ahli-ahli pembangkang bahawa zaman untuk kita menagih sudah hampir tamat. Zaman untuk kita menyembah memohon belas ihsan Amerika Syarikat telah pun hampir tamat. Ini tidak bermakna bahawa kita ini angkuh, taksub dan sombong dalam kekuatan tetapi kerajaan realistik dan

pragmatik bahawa ini bukanlah kemahuan syarikat-syarikat yang terbabit. Sekiranya kita buat rayuan dan memohon belas ihsan mereka pun, usaha ini tidak akan berjaya dan akhir sekali, kita tidak mahu terikat kepada tekanan-tekanan perdagangan kuasa besar. Ini bukan bermakna bahawa kita angkuh dan takbur dalam tindakan kita tetapi kita adalah realistik untuk tidak merayu dalam keputusan Amerika Syarikat ini.

Dari segi sama ada negara-negara lain juga akan turut serta dalam pendirian Amerika Syarikat untuk menarik balik, daripada kajian dan hubungan kementerian dengan kerajaan-kerajaan tertentu, buat masa ini tidak ada sebab seperti saya sebutkan tadi, pandangan dan pendekatan mereka tidak ada kaitan dengan keputusan Amerika Syarikat. Buat masa ini, kita rasa tidak ada sebab kita harus memikirkan dengan tindakan kita akan menjejaskan hubungan kita dengan negara-negara lain mengenai isu GSP ini.

PENGELUARAN SAWAH PADI SETANDING SEKTOR INDUSTRI - LANGKAH-LANGKAH

7. **Tuan Noh bin Omar** minta Menteri Pertanian menyatakan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk memastikan hasil pengeluaran sawah padi akan memberi pulangan yang setanding dengan pengeluaran sektor industri di negara ini.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, matlamat pengeluaran beras negara telah ditetapkan untuk memenuhi tahap saradiri minimum sebanyak 65% menjelang tahun 2010, di mana tumpuan pengeluaran akan dibuat di kawasan-kawasan jelapang padi utama dan sekunder. Bagi memastikan peningkatan hasil di kawasan

tersebut, tumpuan telah diberi kepada penyusunan semula sistem pengeluaran ladang termasuk peningkatan penggunaan mekanisasi ladang, pembaikan amalan pengurusan ladang, pengubahsuaian struktur ladang supaya menjadi lebih besar dan berdaya maju, pengurangan kerugian lepas tuai dan juga pengapungan harga beras gred terpilih.

Di samping itu, usaha-usaha untuk menentukan hasil yang tinggi juga dibuat melalui penggunaan benih yang bermutu dan disahkan, pelaksanaan sistem peramalan dan pengawasan bagi mengesan musuh dan penyakit, penyaluran teknologi melalui kerja-kerja pengembangan dan latihan dan kerja-kerja penyelidikan untuk mendapatkan varieti padi yang dapat mengeluarkan hasil yang tinggi. Di samping itu, sebagai langkah untuk menentukan petani-petani terus berminat dalam pengeluaran padi, skim subsidi baja dan harga padi akan terus dilaksanakan.

Dengan langkah-langkah yang telah disebutkan itu, yang apabila diambil dan dilaksanakan, tanaman padi telah menjadi tanaman yang agak menguntungkan. Contohnya, bagi kawasan padi yang mengeluarkan hasil 4 tan sehektar, pendapatan bersih petani setiap musim boleh mencapai tahap RM1,230 sehektar. Ini bermakna jika seorang petani mengusahakan 3 hektar, maka pendapatan mereka hitung panjang RM740 sebulan dan ini setanding dengan mereka yang bekerja di sektor perindustrian. Dengan pertambahan keuntungan ini, ramai petani-petani telah kembali mengusahakan sawah padi mereka.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di negeri Selangor pada masa ini, boleh dikatakan padi ditanam 4 kali dalam masa 2 tahun. Adakah kerajaan dan kementerian bercadang untuk menjadikan tanaman padi khasnya di negeri Selangor sebanyak 5 kali dalam masa 2 tahun? Jika ada cadangan, bilakah cadangan ini akan dimulakan?

Soalan tambahan yang kedua, adakah kerajaan bercadang untuk menaikkan harga padi yang telah lama diputuskan?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, memang kementerian saya bercadang untuk menanam 5 kali 2 tahun tetapi kita terpaksa memperbaiki lagi kemudahan-kemudahan asas yang terdapat dalam kawasan-kawasan jelapang padi. Insya-Allah, saya yakin dan percaya, dalam masa satu, dua tahun lagi apabila kemudahan ini diperbaiki, maka kita akan dapat mengeluarkan 2 tahun 5 kali.

Tentang harga padi atau harga beras ini, kementerian terpaksa memikirkan nasib sebahagian besar rakyat kita. Jadi, kita sehingga ini, masih lagi dalam kajian sama ada perlu dinaikkan atau tidak. Sebab itu, bantuan subsidi yang agak besar telah dikeluarkan oleh kerajaan untuk harga dan juga baja padi. Ini melibatkan kira-kira RM80 juta setahun. Jadi, kalau harga padi atau beras dinaikkan, mungkin masalah akan menimpa pada golongan mereka yang berpendapatan rendah atau sederhana. Sebab itu, kajian yang teliti dan halus perlu dikaji oleh kementerian saya.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, dua soalan tambahan. Pertama, Timbalan Menteri mengatakan tadi bahawa kerajaan berhati-hati tentang kenaikan harga beras tetapi di Sabah sudah pun naik harga beras di mana para pengguna sudah mula merasanya. Pertama, saya ingin tahu, kenapa ini boleh berlaku di Sabah?

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah tentang perancangan contingency plan, dengan izin, mengenai keperluan beras negara sekiranya terdapat kekurangan daripada negara-negara pengeluar yang dari mana kita mengimport beras negara. Sekiranya berlaku sesuatu iklim yang tidak menentu sekarang ini, adakah kerajaan telah mengambil persiapan menghadapi kemungkinan di mana kita tidak ada mendapat beras dari pengeluar-pengeluar. Jadi, apakah tindakan pihak kerajaan ataupun kementerian menghadapi kemungkinan ini?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya harga beras di Sabah masih tetap sebagaimana yang telah ditetapkan tetapi mungkin oleh kerana transport agak tinggi, kerana itulah harga beras agak naik sedikit kalau hendak dibandingkan dengan Semenanjung. Tetapi walau bagaimanapun, pengeluaran beras di Sabah sendiri agak begitu rendah.

Kini kita hanya dapat di antara 2.1 tan hingga 2.7 tan sahaja satu hektar. Jadi, sebab itu, kementerian saya sedang berusaha ke arah meningkatkan lagi. Kalau hendak dibandingkan dengan Semenanjung, 4 tan. Sabah baru 2.7 tan paling tinggi.

Tentang kita eksport beras sebanyak 35% sahaja; sebanyak 65% kita keluarkan. Sebenarnya kalau berlaku apa-apa kecemasan, 65% itu boleh diatur untuk kita mengeluarkan secukupnya dengan kawasan-kawasan yang tidak dianggap sebagai jelapang padi. Kita masih ada tanah-tanah, tetapi oleh kerana pada masa ini kosnya lebih murah dibandingkan dengan yang kita import, maka kita terpaksa menghadkan kadar pengeluaran 65%. Insya Allah, apa sahaja yang berlaku, kita mampu mengeluarkan sendiri.

**PROJEK DATARAN PERDANA DI JALAN IMBI
- PERLANJUTAN TEMPOH MENGHUNI KAWASAN**

8. Tuan Hamzah bin Ramli minta Perdana Menteri menyatakan bilakah projek Dataran Perdana di Jalan Imbi Off Jalan Davis akan dijalankan dan apakah tindakan-tindakan yang akan diambil ke atas kakitangan kerajaan yang menghuni di kawasan tersebut. Adakah kementerian bercadang melanjutkan tempoh menghuni di kawasan tersebut dan jika tidak, adakah penempatan baru telah diperuntukkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini pihak kerajaan sedang merundingi terma-terma dan syarat-syarat penswastan dengan Syarikat Dataran Perdana Sdn. Bhd.

Sehingga kini, proses perundingan mengenai syarat-syarat penswastan sedang dijalankan dan belum sampai muktamad lagi. Walau bagaimanapun, kerajaan menjangkakan projek ini akan dapat dimulakan sebaik sahaja proses perundingan tersebut muktamad.

Berhubung dengan kakitangan kerajaan yang menduduki rumah-rumah kerajaan di kawasan yang terlibat, notis pemberitahuan telah dikeluarkan pada

19hb. Julai 1994 mengarahkan mereka mengosongkan rumah tersebut dalam tempoh satu tahun. Bagaimanapun, oleh kerana berlaku sedikit kelewatan pelaksanaan projek, maka arahan mengosongkan rumah itu telah dilanjutkan sehingga akhir Disember 1995.

SISTEM PELAJARAN - PENINGKATAN KUALITI

9. Puan Seripah Noli binti Syed Hussin minta Menteri Pendidikan menyatakan bahawa pihak kementeriannya akan mengkaji sama ada untuk menggunakan sistem pelajaran di Singapura iaitu “autonomus and independent schools” di Malaysia yang mana antara tujuannya adalah bagi mencapai tahap pembelajaran berkualiti bagi era abad ke-21 di Malaysia.

- (a) minta Menteri menjelaskan apakah yang dimaksudkan dengan pelajaran berkualiti yang akan dapat disediakan oleh sekolah-sekolah ini. Adakah dari segi skop matapelajaran ataupun tenaga pengajarnya;
- (b) memandangkan keadaan masyarakat masa kini yang semakin maju dari segi ekonomi dan daya pemikiran, adakah kementerian sedar bahawa kualiti para pengajar adalah sama pentingnya dengan kualiti matapelajaran. Apakah terdapat program atau sistem baru yang kementerian akan atau sedang dilakukan bagi mencapai peningkatan kualiti tenaga pengajar di negara ini; dan
- (c) sekiranya kementerian bercadang menggunakan sistem “autonomi and independent schools” ini, apakah kesannya terhadap golongan menengah dan masyarakat luar bandar.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato’ Mohd. Khalid bin Mohd.

Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan pada umumnya mengkaji dari masa ke semasa beberapa sistem pendidikan di negara-negara tertentu termasuklah Singapura. Walaupun begitu, bukan keseluruhan daripada sistem

tersebut akan terus digunapakai. Ia akan dikaji dan disesuaikan dengan sistem dan amalan yang dipraktikkan di Malaysia.

- (a) Kementerian Pendidikan memang mengutamakan peningkatan kualiti dalam keseluruhan sistem pendidikan di Malaysia pada semua peringkat. Di antara beberapa aspek kualiti yang dimaksudkan itu termasuklah pengajaran dan pembelajaran di sekolah yang merangkumi penyediaan kemudahan fizikal seperti bilik darjah, asrama, rumah guru dan beberapa bilik khas seperti bengkel, makmal, perpustakaan dan lain-lain lagi. Pendidikan berkualiti memang penting untuk memastikan semua pelajar mendapat manfaat yang sepenuhnya daripada sistem pendidikan negara;
- (b) Kementerian Pendidikan sedar bahawa kualiti tenaga pengajar adalah sama pentingnya dengan kualiti kurikulum sekolah. Kementerian Pendidikan sentiasa menilai, mengubahsuai dan membaiki kurikulum sekolah supaya menjadi lebih berkesan bagi mencapai objektif dan matlamat falsafah pendidikan negara. Pada masa yang sama, usaha-usaha sedang dijalankan untuk mempertingkatkan kualiti tenaga pengajar;

- (c) Kementerian Pendidikan prihatin dalam pelaksanaan sebarang program untuk menentukan kesesuaian dan keberkesanannya pada semua peringkat, terutama di luar bandar.

**SAHAM TANPA SKRIP DALAM DEPOSITORI PUSAT
- PENERIMAAN SEBAGAI CAGARAN**

10. Dr. Yap Yit Thong minta Menteri Kewangan menyatakan bagaimana saham-saham yang tanpa skrip yang sekarang ini diletakkan dalam CD boleh digunakan sebagai koleteral untuk pinjaman bank.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saham-saham tanpa skrip yang sekarang ini diletakkan di dalam Depositori Pusat boleh digunakan sebagai koleteral untuk mendapatkan pinjaman daripada bank-bank yang menjadi Authorised Direct Member, dengan izin, dengan Malaysian Central Depository Sdn. Bhd.

Namun begitu, kesesuaian sesuatu saham untuk dijadikan cagaran masih tertakluk kepada faktor-faktor lain termasuk:

- (a) nilai saham tersebut;
- (b) penilaian kredit ke atas syarikat yang mengeluarkan saham tersebut; dan
- (c) had pinjaman yang bercagarkan saham mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

Pada masa ini, sebanyak 24 buah bank telah dilantik sebagai Authorised Direct Member dan Bank Negara Malaysia telah mengingatkan institusi-institusi perbankan yang masih belum menjadi ADM supaya memohon menjadi ahli secepat mungkin dan memastikan kesemua cawangan mereka mengikut polisi yang seragam dalam penerimaan saham-saham sebagai cagaran.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 35 akan dimasukkan ke dalam naskhah bercetak kelak]

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
RANG UNDANG-UNDANG PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
(PINDAAN) 1995**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pembangunan Sumber Manusia 1992; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN PEMBANGUNAN BANDAR
(PEMBUBARAN) 1995**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk memansuhkan Akta Perbadanan Pembangunan Bandar 1991, membubarkan Perbadanan Bandar yang ditubuhkan di bawah Akta tersebut dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara yang lain yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN PEMBANGUNAN BANDAR
(SYARIKAT PENGGANTI) 1995**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi perletakan harta, hak dan liabiliti Perbadanan Pembangunan Bandar dalam suatu syarikat untuk membuat peraturan kewangan bagi syarikat itu untuk

memperuntukkan perkara yang berhubungan dengan kakitangan dan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya; di bawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

USUL

Penyata Khas Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat (Kertas Dewan Bil. 2 Tahun 1995) - Penerimaan Dewan

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas Usul Perdana Menteri;

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 86(5), supaya perintah berikut:

Penyata Khas Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat Menurut Peraturan Mesyuarat 86(3) Untuk Dibentang Di Atas Meja Mesyuarat;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Dewan Bil. 2 Tahun 1995 diterima. *[16 Oktober 1995]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong, sila sambung ucapan.

3.38 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya sebutkan semalam, saya sebenarnya tidak mahu menyertai dalam perbahasan ini, tetapi nampaknya cuma ada 3 orang yang mengambil bahagian di dalam

perbahasan yang begitu penting yang melibatkan lebih 10 peraturan tetap yang dipinda.

Sebahagian pindaannya seperti Peraturan Mesyuarat 22 dan Peraturan Mesyuarat 66 adalah ke arah yang betul dan soalan untuk jawapan mulut atau untuk bukan jawapan mulut dikekalkan. Ini satu langkah yang betul. Peraturan Mesyuarat 66 dilanjutkan kepada 18 hari, itu adalah tempoh untuk membahaskan di peringkat Jawatankuasa ditambah 2 hari. Ini adalah satu langkah yang betul, tetapi tidak mencukupi.

Memandangkan Yang Berhormat dari Tanjong telah pun menyentuh 10 perkara mengenai Peraturan Tetap, saya akan membangkitkan perkara-perkara yang belum lagi dibangkitkan untuk cadangan bagi wawasan bagi Dewan Rakyat - wawasan sebagai evolusi Parlimen untuk menyahut abad ke-21.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama; pada masa hadapan kita mesti memikirkan bagaimana kita dapat memperbaiki peraturan ini termasuk cadangan saya untuk mempertimbangkan peraturan-peraturan bagi pemberita-pemberita lobi (lobby rules for journalists). Sebagai ahli politik di dalam negara ini, kita perlu media massa. Bukan Barisan Nasional sahaja yang memerlukan media massa. Pembangkang juga memerlukan media massa. Sebab kita perlukan media massa bagi penyokong kerajaan bagi front bench, back bench dan pembangkang, kita perlulah diberi peluang untuk memberi pendapat dan berita kepada media massa dan dengan idea-idea dan gagasan-gagasan kita dapat penerangan dan publisiti yang sewajarnya.

Tuan Lim Kit Siang: Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Kepong mengenai media massa. Adakah Yang Berhormat setuju bahawa inilah satu aspek Parlimen dan media massa perlu dapat kajian yang mendalam supaya peranan dan fungsi Parlimen boleh mencapai tahap yang diinginkan. Semacam hari ini, *Utusan Malaysia* langsung tidak ada satu perenggan pun mengenai perbahasan semalam mengenai tajuk ini. Bukan oleh kerana saya mahu keluar dalam surat khabar. Sekurang-kurangnya kalau tidak mahu keluar laporan mengenai ucapan saya, ucapan Yang Berhormat Menteri patut dikeluarkan. Takkan ucapan Yang Berhormat Menteri tidak ada perkataan yang berguna, takkan tidak ada satu hujah saya tidak berguna. Ini menunjukkan sikap media massa yang perlu ditukar supaya mereka menghormati persidangan Parlimen. Tetapi ada berita-berita yang begitu kecil-kecil (trivial) dapat ruang yang begitu besar. Tetapi perbahasan dalam Parlimen, masalah mustahak, *Utusan Malaysia* ketepikan. Bukankah ini satu aspek mungkin kalau kita mahu bincang Parliamentary reform yang perlu dapat perhatian yang berat?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang saya setuju dengan pendapat Yang Berhormat dari Tanjong. Media massa perlu mempertimbangkan peranan mereka di dalam membuat liputan daripada Parlimen. Kerana sebagai pemberita di lobi, mereka mempunyai tugas yang berat. Saya pun tidak tahulah mengapa akhbar seperti *Berita Harian* tidak dapat melaporkan sekurang-kurangnya secara ringkas mengenai perkara pindaan ke atas Peraturan Tetap. Kerana pindaan ini sangat penting. Penting untuk semua ahli.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: [*Bangun*]

Dr. Tan Seng Giaw: Yan. Yang ada niat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Yan bangun.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih sahabat saya dari Kepong. Tuan Yang di-Pertua, setahu sayalah pemberita-pemberita yang ada di sini sama ada di dalam Dewan atau di luar Dewan, mereka ini adalah orang yang terpelajar dan mengerti tanggungjawab dan kerja mereka dan sebagai akhbar yang menjalankan perniagaan, adakah Yang Berhormat bersetuju mereka ini memerlukan berita-berita atau teks-teks ucapan yang baik dan bermutu supaya dapat dibaca oleh orang ramai? Tetapi kalau teks ucapan Yang Berhormat dari Tanjong semalam itu adalah teks dengan nada yang marah. Nada seolah-olah orang kampung kata macam orang perempuan putus haid. Jadi, adakah soalan macam itu boleh dimasukkan dalam surat khabar?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, inilah “kun-fa-yakun”. Yang Berhormat....

Tuan Lim Kit Siang: Bukankah Yang Berhormat dari Yan sangat bernasib baik bahawa surat khabar tidak melaporkan peristiwa semalam yang menunjukkan bahawa beliau tidak matang, bahawa beliau sebenarnya trivilise apa yang berlaku dalam Dewan ini dan adakah penjelasan beliau tadi, yang dimintakan membayangkan bahawa tidak kiralah apa ucapan saya, saya tahu apa yang saya ucapkan pun tidak diterima oleh akal nya; bahawa apa yang diucap oleh Yang Berhormat Menteri pun tidak ada mutu. Adakah ini bererti bahawa apa yang

diucap oleh Yang Berhormat Menteri pun tidak bermutu dan kalau begitu kenapa tujukan kepada pihak pembangkang? Tidak berani untuk marah Yang Berhormat Menteri di hadapan saya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kenyataan Yang Berhormat Tanjong memang berasas. Kerana *Berita Harian* tidak memaparkan...*Utusan Malaysia* ya. Tidak memaparkan kedua-duanya daripada pembangkang dan daripada kerajaan juga dan sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Yan tadi, dia menganggap Yang Berhormat Menteri Pertahanan, ucapannya tidak bermutu. Rendah sangat taraf. Ini satu sangkaan jahat.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yan bangun ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Sangkaan sangat jahat. Tidak boleh kita terima.

Tuan Yang di-Pertua: Yan bangun Yang Berhormat Kepong. Yan bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Yan bangun?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tetapi dia tidak boleh retorik Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Kepong ini dia hendak jadi batu api, hendak melaga saya dengan Menteri Pertahanan. Saya kata ucapan Yang Berhormat dari Tanjong itu yang tidak bernas dan berasas kerana nada yang marah. Jadi, pemberita tidak boleh catat perkara ini, malah pemberita bersimpati dengan pembangkang. Mereka tidak

mahu tunjukkan perangai dan kelakuan Ketua Pembangkang ini, macam itu punya rendah. Dua jam setengah dia maki orang semalam, Tuan Yang di-Pertua. Ini Ketua Pembangkang. Lepas itu dia kata saya tidak matang.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat cukuplah.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tegur dia Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, ini beretorik...

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dulu Yang Berhormat. Beri dia berucap dahulu ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya. Beri saya peluang sedikit hendak menerangkan bagaimana ucapan Yang Berhormat Menteri Pertahanan dan juga Yang Berhormat dari Tanjong tidak dipaparkan di dalam setengah-setengah akhbar.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: [*Bangun*]

Tuan R. Karpal Singh: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Jelutong ya.

Tuan R. Karpal Singh: Minta penjelasan daripada rakan saya dari Kepong. Adakah Ahli Yang Berhormat dari Kepong sedar kelakuan Yang Berhormat dari Yan tadi mengecilkan masyarakat kaum wanita dalam negara ini tadi? Perbezaan dengan apa yang terjadi semalam dengan haid perempuan. Bolehkah perkataan-perkataan seperti itu digunakan dalam Dewan yang mulia ini oleh seorang yang ada pengalaman yang buruk dalam Dewan ini apabila

menggunakan satu perkataan “p...” and then I would not say the rest “...i” dalam Dewan yang mulia ini? Saya mahu dapat tahu dari rakan saya dari Kepong. Bolehkah kelakuan seperti Ahli Yang Berhormat dari Yan diterima dalam Dewan ini apabila mengecilkan kaum wanita tadi?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukuplah. Yang Berhormat dari Kepong sila teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang saya sedar mengenai perangai dan peri laku Yang Berhormat dari Yan. Lama sudah saya tahu. [*Ketawa*]

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: [*Bangun*]

Tuan Lim Kit Siang: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Pokok Sena bangun dulu, Yang Berhormat.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Macam mana hendak minta penjelasan daripada saya pula?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Kenapa Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw ini bercakap pada hari ini? Sebab beliau adalah jawatankuasa yang membuat kertas ini. Dia tidak patut bercakap, sebab saya pun hendak bercakap. Dia kata tidak ada orang hendak bercakap. Saya hendak bercakap fasal usul ini. Dia salah seorang ahli jawatankuasa yang datang lewat, lepas itu dia bangun di sini bercakap kisah usul yang sepatutnya dia ada dalam jawatankuasa itu. Saya minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang sebenarnya Ahli-ahli Jawatankuasa (Select Committee) boleh berucap pula dalam Dewan ini jika sekiranya dia suka. Kalau dia suka. Lazimnya apabila perkara ini telah dibincangkan dalam jawatankuasa, lazimnya dia tidak patut bercakap lagi. Tetapi dia boleh bercakap.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, malangnya Yang Berhormat itu tidak tahu dasar. Pokok Sena, senaklah!

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan lagi, nanti sekejap dulu.

Dr. Tan Seng Giaw: Tunggu sekejap, tunggu sekejap. Pokok Angsana tidak ada di sini semalam, apabila Tuan Yang di-Pertua menengok ke sini bahawa tidak ada seorang pun bangun untuk berucap.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kepong, sila teruskan. Itulah sebabnya ada peruntukan di dalam Peraturan Mesyuarat yang diminta dipinda supaya gangguan-gangguan yang tidak munasabah yang diada-adakan hendak mengganggu, tidak patut dibenarkan. Itu sebabnya. Ya, sila teruskan Yang Berhormat Kepong.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat sedar bahawa Yang Berhormat dari Yan cuba untuk mengelirukan Dewan yang mulia ini apabila dia meminta penjelasan. Pertama, soalan yang saya kemukakan bukan ucapan saya. Soalan yang saya kemukakan ialah *Utusan Malaysia* tidak memberi liputan langsung kepada satu perbahasan yang begitu mustahak dan tidak menghormati Parlimen dan beliau memutar-belitkan bahawa ucapan saya tidak bermutu. Kalau itulah sebab untuk membelakan *Utusan Malaysia* kenapa tidak memberi liputan kepada Parlimen inipun bererti bahawa ucapan Menteri pun tidak bermutu.

Kedua, Yang Berhormat dari Yan pun sudah bukan sahaja memutar-belitkan tetapi berucap kuat, melakukan satu pembohongan apabila beliau kata

saya berucap 2 jam atau 2 1/2 jam. Oleh kerana mengikut *Hansard* saya bermula berucap pada pukul 4.04 petang dan mengakhiri pada pukul 5.28 petang. Satu jam setengah, jangan kata dua jam atau dua jam setengah. Inilah orang-orang yang mahu membuat tuduhan yang liar dan inilah penjelasan yang wajar supaya Dewan ini dan negara ini tidak dikelirukan oleh seorang yang begitu tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila teruskan Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Tanjong.

Tuan Lim Si Cheng: Saya pun hendak berucap.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap Yang Berhormat. Tak apalah, tak apalah. Sekejap lagi berucaplah.

Dr. Tan Seng Giaw: Yan memang suka memperbesarkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kepong, sila teruskan ucapan Yang Berhormat.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: [*Bangun*]

Dr. Tan Seng Giaw: Tadi saya bercadang untuk mengadakan peraturan-peraturan bagi meminda.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yan, cukup. Cukup.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya perlu mempertahankan diri Tuan Yang di-Pertua. Fasal depa tidak berapa erti Bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat Kepong, sila teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya cadang supaya kita mempertimbangkan untuk mengadakan peraturan-peraturan bagi pemberita lobi satu sistem yang adil bagi Ahli Parlimen, Menteri dan bagi pemberita-pemberita lobi. Memang sekarang ada sedikit perubahan. Saya nampak ada sudut bagi pemberita. Saya nampak ada setengah-setengah pemberita pun tidak begitu seronok dengan sudut yang dikhaskan baginya. Walau bagaimanapun, kita mesti kaji bagaimana kita dapat bersama-sama, pemberita dengan Ahli Parlimen dan Menteri untuk menjadikan Dewan yang mulia ini sebagai Dewan yang unggul sebab memang di dalam pembaharuan reformasi Parlimen, kita mesti memenuhi tujuan Parlimen. What is the ultimate purpose of Parliament? Dan juga kita mesti memainkan peranan dengan menjawab soalan what is the relationship between Parliament and Government. Walau pun saya tahu ada perbezaan di antara perhubungan ini, di antara backbencher dengan pembangkang kerana backbencher ada setengah-setengahnya dia hendak menjadi Menteri ataupun setengah-setengahnya hendak menjadi Perdana Menteri. Sebab itu pendapat mereka memang berbeza dengan pembangkang. Tetapi kita mesti kira

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Batang Lular bangun Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Batang Terlupa.

Tuan Yang di-Pertua: Batang Lular ya. Hendak beri jalan atau tidak?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, semalam dia ada masa untuk berucap tetapi kenyataan itu tidak menyentuh mengenai Peraturan Tetap langsung.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan atau tidak Yang Berhormat? Dia beri.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya tahu Kepong mesti beri saya kerana dia kawan baik dengan saya. Dua soalan serius. Semalam Ketua Pembangkang mengatakan satu undang-undang kalau dibuat itu draconian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tanyalah penjelasan daripada Kepong, bukan daripada Ketua Pembangkang.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Hendak minta penjelasan ini Tuan Yang di-Pertua. Ini penjelasan dengan Kepong. Tidak Tuan Yang di-Pertua, saya berjanji. Mengatakan satu undang-undang kalau dibuat draconian. Tetapi sekarang Kepong bangkitkan satu persoalan supaya apa yang kita lafaz, apa yang kita buat di sini mesti kena keluar.

Soalan saya, adakah perlu kita hendak buat undang-undang supaya pihak akhbar diberikan tugas atau dipastikan mengeluarkan tiap-tiap ucapan, yang diucapkan di dalam Dewan mesti dikeluarkan dalam surat khabar. Kalau dibuat undang-undang sedemikian, tidakkah undang-undang itu dictatorial ataupun draconian. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Batang yang terlupa dia tidak tahu mengenai draconian dan drastic dan sebagainya, walaupun pergi ke London. Lebih baik kita tinggal di Kuala Lumpur untuk mempelajari apa drastic dan

draconian. Saya pun mencadangkan mempertimbangkan peraturan-peraturan bersama-sama kita dengan pemberita, Ahli Parlimen, Menteri dan pemberita, bersama-sama kita bersetuju untuk masing-masing memainkan tugas yang berkesan dan positif. Itu sahaja cadangan saya, dia ini dengan undang-undang pula, Tuan Yang di-Pertua. Mungkin di Sarawak, di kawasan Batang Lupar dia buat macam itu.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan.....

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Adakah Yang Berhormat dari Kepong bersetuju bahawa kalau Yang Berhormat dari Batang Lupar boleh menangkap kesimpulan itu daripada ucapan saya semalam, sebenarnya dia layak menjadi Ahli Parlimen budak-budak dan bukan Parlimen Dewan yang mulia ini?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tanjong memang berasas untuk membuat kenyataan itu.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan saya yang kedua ialah pada masa hadapan kita memerlukan satu jawatankuasa pilihan televisyen untuk mengkaji bagaimana prosiding Dewan Rakyat dapat dimasukkan di dalam liputan televisyen secara langsung. Saya faham ada masalah mungkin sesetengah penonton tidak berminat di dalam prosiding dan sebagainya. Tetapi kita boleh mempertimbangkan melalui Select Committee ini bagaimana kita boleh mengetengahkan prosiding Parlimen supaya rakyat awam tahu, membawa Parlimen ke arena awam. Ini satu perkara, saya tahu ada pro dan kontra. Tetapi kita mesti mengadakan satu jawatankuasa pada masa hadapan kerana kita hendak menjadikan satu evolusi untuk menyahut

abad ke-21. Memang saya tahu ada yang mengatakan bukan sahaja ada setengah-setengah rakyat tidak begitu berminat, bahkan juga memang ada Ahli-ahli yang dahsyat dan Ahli-ahli yang rajin, yang dapat dipaparkan di dalam televisyen. Ini satu rangsangan juga bagi yang kurang rajin, dia boleh menjadi lebih rajin lagi dan ucapan dia boleh bernas lagi untuk dipaparkan di dalam televisyen. Itu satu rangsangan. Itu select committee.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam peranan kita untuk menjadikan Parlimen dan Ahli-ahli Parlimen sebagai penggubal undang-undang dan sebagai pengawal selia untuk tindakan-tindakan kerajaan.

Kita mesti ada cukup sumber (resources) terhadap kakitangan, terhadap penyelidikan termasuk untuk Tuan Yang di-Pertua sendiri memerlukan orang-orang yang cekap, yang mahir, kalau boleh orang-orang yang mahir di dalam bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Saya nampak tidak ramai orang, sebab lebih satu dekad saya ada di Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua pun kekurangan orang yang mahir, kakitangan yang cukup mahir. Ini kita mesti mempertimbangkan untuk menjawab soalan. Bolehkah Dewan Rakyat memperbaiki kerjanya untuk mengawalseliakan kerajaan? Kita mesti mempertimbangkan peranan dan sumber-sumber dari segi kakitangan, dari segi penyelidikan untuk Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan yang telah pun disebutkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong semalam.

Kita mesti memindahkan peraturan-peraturan tetap ini untuk kita meningkatkan pertalian dan pengaruh Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan ini

dengan Parlimen. A linkage and influence of all Select Committees, jawatankuasa khas, jawatankuasa pakar (specialist). Saya tidak nampaklah jawatankuasa-jawatankuasa yang ada sekarang boleh memainkan peranan yang lebih positif, seperti kita boleh adakan Select Committee untuk pertahanan, Select Committee untuk ekonomi, untuk menyiasat bagaimana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan peranannya di dalam memperluaskan pengaruh Malaysia di New York baru-baru ini. Ini adalah tugas Jawatankuasa Pilihan (Select Committee) untuk mengkaji semua ini. Kita mesti perlu, kerana setakat ini di dalam sejarah Parlimen, kita tidak mempunyai banyak Select Committee supaya banyak lagi pakar-pakar, ahli-ahli yang ada di sini di sebelah pembangkang dan penyokong kerajaan pun kita boleh lantik di dalam jawatankuasa kepakaran ini untuk memainkan peranan. Seterusnya mempertingkatkan pertalian dan pengaruh jawatankuasa-jawatankuasa seumpama ini dengan Parlimen.

Selain daripada mempertingkatkan kakitangan Parlimen yang bermutu tinggi, Tuan Yang di-Pertua, kita mesti mempertimbangkan betapa perlunya satu jawatankuasa untuk mengawasi urusan perundangan (legislative business) di dalam Parlimen, kerana kita mesti tahu seperti Rang Undang-undang Pendidikan 1995. Ini adalah satu Rang Undang-undang yang penting yang salah satu tujuannya untuk meletakkan negara ini sebagai pusat pendidikan cemerlang, bukan sahaja di rantau ini, kalau boleh di seluruh dunia.

Kita mesti boleh dengan Rang Undang-undang yang begitu penting, kita mesti ada satu jawatankuasa atau Legislative Business Committee untuk jadual

masa (timing), time table for the bills. Bukan sahaja time table for the bills untuk rang undang-undang ini, bahkan juga prelegislative, draf ini dibahaskan dahulu.

Kita boleh mempertimbangkan cara-cara untuk membahaskan draf-draf Rang Undang-undang Pendidikan 1995. Kita memperbahaskan draf dahulu, kemudian dengan pindaan-pindaan dan seterusnya kita membahaskan secondary legislative. Jadi dua peringkat, prelegislative draft dan kemudian kita memperbahaskan rang undang-undang yang diubahsuainya. Ini adalah cara untuk mengelakkan pertikaian kontroversi.

Memang rang undang-undang penting ini menimbulkan kontroversi, tetapi ada ahli-ahli yang menyoalkan bagaimana kita berbuat perbahasan yang begitu rumit sehingga di setengah-setengah negara bila ada satu rang undang-undang sentiasa ditolak seperti di dalam Kongres dan sebagainya. Kita mesti mencari jalan untuk mengelakkan daripada berlakunya masalah rang undang-undang yang baik tidak dapat diluluskan kerana jentera yang tidak baik, sepertimana yang berlaku di setengah-setengah negara. Kebanyakan rang undang-undang tidak dapat diluluskan kerana jentera yang tidak baik, kita mesti mengawasi tidak wujudnya masalah seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua,.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:Yang Berhormat,
Rompin bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Hendak komen mengenai Rang Undang-undang Pendidikan...

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, boleh?

Dr. Tan Seng Giaw: Penjelasan!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Penjelasan.

Dr. Tan Seng Giaw: Rompin!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya. Saya hendak tanya pada Yang Berhormat dari Kepong.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Dr. Tan Seng Giaw: Boleh.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sebab selalu Kepong sporting, hari ini benarlah dia sporting. Tetapi hari ini entah mengapa dia hendak menghabiskan masa sahaja. Kalau undang-undang tidak diluluskan oleh kerana jentera, jadi saya hendak tanya 'jentera' apa ini? Apa yang dimaksudkan masalah meluluskan rang undang-undang oleh kerana 'jentera'?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ada masa untuk melayan soalan seperti itu kerana pembalakan haram masih berterusan di kawasan Rompin. Lebih baik beliau balik ke kawasan untuk menjaga kawasan dengan baik. *[Ketawa]* Dia tidak jaga seperti Akta Pengambilan Tanah, di sini menunjukkan kelemahan-kelemahan pada ketika Akta itu dibahaskan di Parlimen ini, tetapi

kerana jentera tidak begitu sempurna, pihak kerajaan telah meluluskannya kerana majoriti ‘brute force’, ‘brute majority’, tyranny of the majority, dia luluskan, kemudian timbul masalah di merata-rata tempat. Itulah masalah yang Rompin tidak mengambil pusing sehingga kita pun pusing kepala dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan pindaan ke atas Akta Kerajaan Tempatan....

Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, ya, dia bangun lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Rompin!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Rompin bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Pembalakan haram tidak selesai lagi.

Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis: Kalau hendak beri jalan. Saya tertarik dengan dakwaan Kepong, dia kata ‘the tyranny of the majority. Saya rasa bukan permasalahan ‘the tyranny of the majority’, tetapi oleh kerana di Dewan yang mulia ini, kita mendapat majoriti bukan silap kita. Ini ialah mandat yang diberikan oleh rakyat dan kita pergunakan mandat kita dengan baik, membentang dan meluluskan peruntukan-peruntukan yang baik untuk rakyat. Itu yang sebenar hakikatnya. Ini dengki sebenarnya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Rompin itu, dialah satu-satunya dengan rakan-rakannya yang membenarkan Akta Pengambilan Tanah diluluskan sehingga menderitakan rakyat. Itu ‘penderitaan rakyat’, bukan ‘pembela rakyat’, kalau itulah ucapannya.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan pindaan ke atas Akta Kerajaan Tempatan untuk membolehkan pembedaan diswastakan kepada Indah Water Consortium.

Kita juga ada mengenengahkan beberapa cadangan untuk menyelesaikan masalah ini tetapi kerana majoriti Barisan Nasional, Akta itu diluluskan. Sehingga sekarang di Ipoh, Kuala Lumpur dan di merata-rata tempat timbul masalah. Inilah kalau kita ada prelegislative draft, debate dan diikuti dengan secondary legislation dan sebagainya, mungkin perkara seperti ini tidak timbul.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Ahli Batang Lupa bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, adakah saya dibenarkan banyak masa?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Itu terpulang kepada Yang Berhormat.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya akan beri injury time. Saya tidak bercakap hari ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, dia tidak tahu Peraturan Tetap. Saya belum benarkan dia, dia sudah bercakap dan kemudian dia kata dialah Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, kalau tidak beri jalan, teruskan sahaja, Yang Berhormat.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih. Soalan saya ini serius dan saya memang bukan seperti apa yang dicakapkan oleh Ketua Pembangkang tadi. Saya sebagai Ahli Parlimen kenalah menjaga budak-budak yang kurang matang, yang kurang berdisiplin. Soalan saya ini adalah soal falsafah. Barisan Nasional mempunyai satu falsafah perundangan yang lain, pembangkang mempunyai satu falsafah perundangan yang lain. Falsafah Barisan Nasional ialah untuk membimbing negara ini dengan cara, dengan adat dan latar belakang kita sendiri. Pihak pembangkang berpandukan kepada dasar, ideologi dan falsafah yang kebaratan. Jadi, soalan saya ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat....

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Saya belum habis lagi....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Minta penjelasan atau hendak memberi penjelasan?

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tidak. Saya minta penjelasan. Jadi, soalan saya adakah Select Committee ini boleh mendatangkan hasil yang baik ataupun mendatangkan satu duplicity ataupun exercise in brutality. Kalau kita adakan Select Committee yang mana dua falsafah yang bertentangan duduk dalam satu bilik, ianya tidak akan mendatangkan apa-apa hasil melainkan memanjang dan membuang masa sahaja. Macam mana pandangan Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, ini beretorik dan yang kedua, tidak kena-mengena dengan Legislative Business Committee. Tak kena-mengena

langsung Saya bersetujulah supaya Standing Order itu dipinda untuk melarang orang seperti ini membuat hujah yang tidak berasas, tidak membina dan tidak langsung kena-mengena dengan perkara yang dibangkitkan.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, kalau tidak pandai jawab tak payah jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, jangan mencelah.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, adakah Yang Berhormat dari Kepong bersetuju bahawa soalan pokok di hadapan Dewan ini apabila kita membincangkan usul bukannya Barisan Nasional, bukan DAP, PBS, bukan PAS atau Semangat 46. Soalan pokok ialah perhubungan (relationship) antara Parlimen dengan eksekutif., Tidak kira apa-apa parti sama ada pemerintah atau pembangkang. Sama ada cadangan pindaan yang dikemukakan ialah untuk memupuk satu masyarakat Madani yang ada di'expound' oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri - satu 'civil society' yang lebih terbuka, lebih accountable, tidak kira apa parti dan sama ada kita membaca surat khabar bahawa hasrat kerajaan untuk membina Putrajaya sebagai satu 'intelligent city'. Adakah pindaan-pindaan yang dikemukakan menjadikan Parlimen 'an unintelligent Parliament', atau satu Parlimen yang tidak begitu intelligent oleh kerana channel untuk accountability ditutup, oleh kerana peluang Ahli-ahli Parlimen untuk mendapatkan accountability disekat, tidak boleh lebih berkesan untuk menjadi check and balance kepada

executives. Itu masalah. Bukannya Barisan Nasional atau DAP. Sebab itu Yang Berhormat dari Batang Lupar layak pergi ke parlimen budak-budak.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua....

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Point of order 36(6).

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya....

Timbalan Yan di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti, Yang Berhormat, ada point of order di sini.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: 36(6), sangkaan buruk. Saya minta dia tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Saya akan buat keputusan, Yang Berhormat. Saya rasa...

Tuan Lim Kit Siang: Sebelum Tuan Yang di-Pertua membuat keputusan, bolehkah saya menjelaskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Apa hendak jelaskan lagi, Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Right to explain apa yang diminta. Kalau dia faham soalan pokok, saya tarik balik. Kalau dia tidak faham, itulah dia layak pergi untuk parlimen budak-budak sahaja. Dia faham atau tidak faham?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat dari Tanjong, saya rasa sangkaan sebegini tidak sejajar dengan budaya dalam Dewan ini. *[Tepuk]* Walaupun Yang Berhormat tidak semestinya bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar tetapi tidak elok juga kita

lemparkan ulasan ataupun gelaran semacam itu. Saya rasa itu tidak senonoh, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak senonoh, saya bersetuju. Tetapi budaya yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat dari Batang Lupar lebih tidak senonoh. Itu lebih perlu dikutuk dan dikesali. Saya harap Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri boleh mengambil perhatian apa standard ini? Malulah! Intelligent society! Civil society! Mada ada masyarakat Madani.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, apa kebudayaan yang saya tunjuk? Apa cara dan tata tertib yang saya tunjuk yang tidak wajar dan tidak baik dipandang oleh pihak ini? Inilah yang saya sebutkan tadi falsafah, dua falsafah yang bertentangan. Kalau kita buat pun tidak akan mendatangkan hasil apa-apa. Jadi, apa yang dikatakan civil society yang Ketua Pembangkang cakapkan itu dipandang dari dua perspektif. Perspektif kamikah atau perspektif dia?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Sabar, Yang Berhormat. Saya rasa sebelum berucap ataupun hendak minta penjelasan, elok juga minta laluan daripada Ahli Yang Berhormat Kepong. Sebenarnya keputusan yang saya buat tadi itu cukup jelas.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Yang Berhormat Batang Lupar mengikut peraturanlah. *[Ketawa]*

Saya sedang membincangkan satu cadangan saya supaya di masa hadapan Jawatankuasa Peraturan-peraturan Tetap mempertimbangkan satu Legislative

Bussiness Committee untuk beberapa masalah, bukan sahaja jadual masa (time table) untuk rang undang-undang supaya semua rang undang-undang dipertimbang dengan sepenuhnya. Di sini saya pun ada memberi amaran supaya kita jangan ada jentera seperti di setengah-setengah negara di mana banyak undang-undang tidak dapat diluluskan kerana masalah-masalah yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengadakan perbincangan terhadap undang-undang dan usul-usul dengan lebih tepat, lebih bermakna, Parlimen mesti dengan awal, dengan secukupnya memberi maklumat mengenai cadangan undang-undang ini (legislative proposals), cadangan usul ini. Kita mesti terlebih dahulu memberi maklumat yang cukup. Kerana maklumat tidak cukup, orang-orang seperti Yang Berhormat Batang Lupar tidak dapat berucap dengan baik.

Setakat ini kita hanya ada maklumat yang sangat kurang mengenai rang undang-undang, usul-usul dan banyak perkara lagi. Memandangkan sekarang ada banyak kemajuan, banyak perkembangan dalam media massa, komunikasi, Internet, CNN, parabola dan sebagainya, dan di televisyen kita sekarang ini ada baik sedikit dengan adanya satu program “Global” di mana penonton- penonton boleh menyaksikan dengan sendiri isu-isu semasa. Daripada maklumat-maklumat ini kita sebagai Ahli Parlimen memang menghadapi soalan daripada penonton- penonton daripada penduduk-penduduk di kawasan sendiri untuk menyoalkan beberapa banyak perkara.

Semasa kita bahas di sini ada program dalam TV dan radio, kita pun tak tahu. Kemudian kita balik, dia tanya apakah Rompin tahu perkara ini. Dalam “Global” dia bincang macam ini, tahukah hal ini. Tetapi kerana Rompin dia tak begitu minat, dia tak tahu. Kita perlu adakan maklumat yang cukup untuk orang-orang yang hendakkan maklumat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, dia bangun, Rompin.

Dr. Tan Seng Giaw: Cukup. Saya ada cadangan untuk memberi maklumat kepada dia.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hormat Kepong. Tetapi saya tak semestinya bersetuju semua dengan saranan beliau. Penjelasan saya, saya bersetuju bahawa era sekarang ini ialah era teknologi maklumat. Saya setuju dengan Ketua Pembangkang bahawa kita pergi kepada teknologi baru ini untuk mendapatkan maklumat yang banyak. Tetapi saya hendak tanya sedikit dengan Kepong. Kalaulah era teknologi tinggi ini, kita boleh lengkapkan dengan semua teknologi, tetapi ia bergantung kepada siapa di dalam Dewan ini. Bila kita hendak menuduh seseorang, seorang sahaja, tetapi tiga empat pada diri sendiri. Saya hendak tanya sedikit Yang Berhormat dari Kepong, adakah dalam peraturan yang baru dikenakan, kita hendak hadkan kuasa Parlimen. Adakah atau tidak di sini, saya hendak tanya sedikit. Saranan yang dikatakan oleh Ketua Pembangkang tadi dengan ada peraturan ini, suara Parlimen sudah tidak ada. We become a 'banana Parliament', tak ada suara lagi. Macam mana pandangan.....

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:.....pengalaman Kepong dalam DAP, saya hendak tanya. Dalam DAP ada demokrasi atau tidak seperti yang ada dalam Parlimen?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak ada demokrasi, mengapa kita beri Rompin begitu banyak masa. Jalan cukup banyak walaupun perbahasan kurang mutu sedikit. Itu demokrasi yang ditonjolkan di sebelah sini.

Tuan Yang di-Pertua, ada cadangan yang lain yang baik untuk dipertimbangkan pada masa hadapan. Saya harap Yang Berhormat Menteri Pertahanan boleh mempertimbangkan juga. Seperti saya sebutkan semalam mungkin ada setengah-setengah orang segan dengan Yang Berhormat Menteri Pertahanan kerana pengaruh yang meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perbahasan ke atas semua usul ataupun rang undang-undang atau perkara di dalam Dewan Rakyat ini, kita memang ketinggalan zaman. Sebab setakat ini pun kita tidak ada sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong, walaupun ada sedikit perubahan di Perpustakaan, Parliament Library, ada perubahan sedikit, ada baik sedikit, itu tak cukup. Kita mesti adakan perpustakaan yang lebih canggih, mempunyai maklumat yang lebih. Ini bermakna kita perlukan banyak wang untuk perpustakaan dan untuk menjadikan satu sudut perpustakaan untuk penyelidikan.

Selain daripada itu, saya mencadangkan pada masa hadapan, di dalam evolusi untuk pembaharuan untuk reformasi ini, kita mesti membentangkan satu kertas putih dengan cadangan-cadangan bagi laporan kewangan (financial reporting) untuk Parlimen mengenai Budget, Belanjawan, mengenai Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dan sebagainya. Semua ini mengenai kewangan, kita mesti ada satu cadangan, satu kertas putih yang mengandungi cadangan-cadangan untuk mempertingkatkan maklumat kepada semua Ahli, kerana banyak orang tak tahu, termasuk semasa memperbahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan, walaupun ada sedikit catatan, tetapi tak cukup maklumat, untuk mengetahui apakah halnya kewangan yang dibentangkan dan diperbahaskan. Kita tak tahu. Sebab itulah saya mencadangkan satu kertas putih dengan cadangan-cadangan untuk memperbaiki keadaan, maklumat mengenai kewangan di Parlimen.

Satu cadangan lain ialah satu badan untuk membantu Parlimen dan Jawatankuasa-jawatankuasa untuk menilai pelan-pelan atau rancangan-ancangan perbelanjaan dengan terlebih dahulu. Independent audit office, parallel body to assist Parliament or its committee, to assess spending plan in advance. Kerana Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, saya nampak peranan dan keberkesanannya tak begitu memuaskan. Pengerusinya sudah lari kerana dia tahu saya hendak bangkitkan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Memang kita perlukan satu badan untuk membantu Parlimen dan Jawatankuasa-jawatankuasanya untuk menilai rancangan-ancangan atau pelan-pelan perbelanjaan dengan terlebih dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, kerana teknologi maklumat yang canggih, Tuan Yang di-Pertua sendiri memerlukan teknologi ini, memerlukan kakitangan yang mahir, saya mencadangkan satu jabatan untuk menilai teknologi, office of technology assessment untuk Parlimen bagi masa depan, kerana kita pada akhir abad ini, hendak menyahut abad ke-21, dengan abad ke-21 kita mesti adakan satu pejabat penilaian teknologi (office of technology assessment) bagi Ahli-ahli Parlimen dan kakitangan Parlimen untuk maklumat teknologi yang canggih ini. Office of technology assessment to provide greater assess for MPs and parliamentary staff to information technology.

Kita pun tahu jentera kerajaan semakin hari semakin canggih, kerana banyak wang diperuntukkan untuk mempertingkatkan jentera kerajaan. Dengan jentera itu, menteri-menteri mempunyai maklumat yang lebih daripada Ahli-ahli Parlimen, termasuk penyokong-penyokong kerajaan. Saya berbahas di sini bagi pihak penyokong-penyokong kerajaan juga. Bukan untuk DAP sahaja, bukan untuk S.46 sahaja atau untuk

PAS sahaja, tetapi untuk semua Ahli Dewan Rakyat, dan jangan mempertikaikan lagi. Itulah pejabat untuk menilai teknologi.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, kita hendak mewujudkan elemen-elemen dan sifat-sifat yang setia kawan di dalam Dewan yang mulia ini. We must provide more humour, more humanity, helpfulness and blessedness. Kegembiraan di dalam Dewan yang mulia ini. Untuk ini, pada masa hadapan, saya mencadangkan satu suruhanjaya yang dipimpin oleh Yang di-Pertua untuk menilai kakitangan di dalam Dewan Rakyat dan juga keperluan-keperluan Dewan Rakyat bagi pihak semua Ahli. Suruhanjaya ini mesti diwakili oleh semua golongan kepentingan untuk menjadikan suruhanjaya seumpama ini lebih efektif pada masa hadapan. Kerana tak lama lagi abad 20 akan berakhir, dan dengan abad ke-21, kita perlukan satu suruhanjaya untuk menjadikan Dewan Rakyat yang lebih sempurna. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yan.

4.30 ptg.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin [Yan]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong pindaan Peraturan Parlimen ini dan saya jangka dengan pindaan ini maka ia akan mendisiplinkan lagi Ahli-ahli Parlimen yang saya kira kadang-kadang sungguhpun lama berada di dalam Dewan Rakyat, sungguhpun pengalaman sebagai Ahli Parlimen tetapi tidak mempunyai budi bahasa dan tatacara apabila menghadiri Dewan Rakyat yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kelmarin Ketua Pembangkang telah bercakap mungkin betullah seperti kata beliau satu jam lebih dan saya tadi menjangka lebih kurang dua jam, tetapi *Hansard* ini menyatakan satu jam dan saya akur. Tetapi saya ingin mempertahankan ucapan yang saya katakan tadi, apabila saya minta penjelasan daripada pihak Kepong iaitu Ketua Pembangkang dengan nada yang begitu tinggi, dengan kata-kata sindiran dan juga teguran yang kurang sopan itu di

dalam Dewan Rakyat, adakah ini membuktikan pengalaman beliau selama 26 tahun dalam Dewan Rakyat ini perlu diikuti oleh Ahli-ahli Dewan Rakyat yang lain? Adakah tingkah laku beliau itu tingkah laku yang wajar sebagai seorang pemimpin?

Saya lebih menghormati Wakil Rakyat daripada Kepong yang bercakap, sungguhpun kadang-kadang kita bertikam lidah tetapi dengan nada yang lebih sesuai, dengan nada yang harmoni di antara satu sama lain. Kita di sini untuk membela rakyat, memperjuangkan rakyat tetapi janganlah kalau kita hendak menegur kerajaan, kita terpaksa mengata dan menjatuhkan maruah, menghina kerajaan, menghina Menteri dan sebagainya. Ini bukan cara kita menegur orang. Kalau anak kita sendiri pun kalau kita hendak tegur, tegurlah dengan baik tidak perlu kita rotan selalu, kita boleh tegur dengan menunjuk contoh dan sebagainya. Sudah terlampau nakal sangat, macam Tanjong itu patutlah hendak rotan pun rotanlah. Ini bangun dengan nada yang samseng, yang sombong seolah-olah Ahli-ahli Dewan yang lain ini rendah martabatnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli Yang Berhormat Yan. Samseng itu jangan digunakan.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya tarik balik perkataan samseng itu. Itu pun saya sudah naik itu, ini saya hendak turun balik ini. *[Ketawa]* Saya akur, saya silap, saya tarik balik, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, beliau kelmarin merendah-rendahkan martabat Wakil Rakyat yang lain, adakah beliau sebagai seorang Ahli Dewan Rakyat yang

berpengalaman 26 tahun tidak boleh memberi contoh yang baik kepada Ahli-ahli Wakil Rakyat yang lain, kalau punlah dia ini pangkat abang, adik-adik yang lain ini tidak bolehkah tunjuk contoh yang baik.

Tuan Yunof Edward Maringking: [*Bangun*]

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Apa hal Tuaran?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tuaran bangun.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Boleh, ini kawan saya, Tuaran, sila.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan sedikit daripada Yan iaitu Ahli Yang Berhormat ini berucap tentang cadangan pindaan tatacara perjalanan mesyuarat Dewan yang mulia ini ataupun membahas tentang ucapan Ketua Pembangkang? Saya tidak faham.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, Tuaran memang selalu tidak faham. Kadang-kadang dia bertanya soalan pun kita tidak faham, tetapi dia bagus, dia seorang Wakil Rakyat yang baik. Memang ‘betoi’ kata orang Kedah.

Saya membahaskan fasal pindaan di sini, berkenaan mendisiplinkan Ahli-ahli Dewan Rakyat dan sebagainya, jadi ini termasuklah ucapan daripada Ketua Pembangkang, yang saya kira ucapan itu tidak ada disiplinnya. Kita, kalau kita hendak menegur, tegurlah dengan baik, dalam Islam saya hendak menerangkan sedikit, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak tegur, dia suruh tegur dengan hati,

suruh tegur dengan mulut, suruh tegur dengan tangan, yang last sekali itu dengan tangan. Tetapi tegur dengan hati ini kita doa supaya kawan itu jadi baik. Ini Jelutong, faham atau tidak?

Jelutong tidak faham bahasa saya. Ini sahabat saya juga, dia tidak faham bahasa saya. Macam saya kata tadi, peribahasa itu Jelutong. Jadi, Jelutong kena faham peribahasa macam perkataan 'Cina Buta'. Bukan bermakna orang-orang Tionghua mata buta - dak! Ini peribahasa! Apabila seseorang suami itu menceraikan isterinya tiga kali, kalau dia teringin balik dengan isterinya - tidak boleh, dia kena ada 'Cina Buta'. Bukan isteri itu kena nikah dengan Cina - dak! Tetapi, isteri itu kena menikah lain, kahwin lain, sudah cerai itu baru dia boleh kahwin balik. Jadi, Jelutong marah kepada saya - tak patutlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, apa hubung kaitnya dengan apa yang dibahaskan? *[Ketawa]*

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, ini fasal tidak didisiplinkan mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju, saya sungguh pun telah empat tahun dalam Dewan Rakyat ini, berapa kali sudah saya tengok apabila Tuan Yang di-Pertua mengarahkan Wakil-wakil Rakyat Pembangkang, biasa saya lihat Ketua Pembangkang daripada Jelutong dan daripada Kota Melaka diarahkan keluar Dewan, depa tidak mahu keluar. Tuan Yang di-Pertua, mereka tunjuk 'keras kepala'. Tidak menghormati Kerusi. Ini tidak pernah lagi berlaku kepada ahli backbencher, Kepong, tidak pernah lagi kepada backbencher. Barisan Nasional,

saya tidak akan bangkit bertengkar tetapi kerana daripada Pembangkang ini provoke kita merendah-rendahkan, macam merendah-rendahkan Batang Lupar, 'awat' ingat dia tu lekeh ke? Faham atau tidak 'lekeh' Kepong? Dia pun cerdik, dia pun pandai, kalau tidak tentulah tidak layak jadi Wakil Rakyat. Tetapi cara seseorang itu membawa perbincangan, itu cara dia, macam saya - cara saya - orang Kedah, saya bercakaplah cara ini. Kalau Kepong tidak faham, bukalah kamus dictionary Kedah - bahasa Kedah adalah di situ. Saya tidak bercakap meleret-leret, hak yang boleh bercakap tiga minit, bercakap sampai tiga jam, saya tidak buat style itu. Saya go straight to the point.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Ketua Pembangkang kelmarin, hari ini dia marah kepada pemberita-pemberita, saya kena pertahan. Saya bukan ada saham surat khabar ini - tidak. Tetapi, yang mana betul kita kena pertahan. Kalaupun ucapan kita tidak bernas, ucapan kita tidak baik, ucapan kita tidak melaga-lagakan orang, ucapan kita menghinakan orang, tidak patutlah benda ini masuk dalam surat khabar dan rakyat baca. Sekurang-kurangnya mereka mempertahankan maruah macam saya kata Ketua Pembangkang.

Kalau keluar teks ucapan itu dalam surat khabar, orang kata, ini macamkah Ketua Pembangkang? Patutlah DAP kalah banyak dalam pilihanraya umum. Ini untuk maklumat, DAP kalah, penyokong-penyokong DAP bukan kerana DAP tidak bagus, kerana Ketua Pembangkang tuan-tuan. Cuba Kepong jadi Ketua Pembangkang, Tuan Yang di-Pertua, DAP boleh tahanlah. [Ketawa] Ini dengan garang, kalau dengan Ahli-ahli Dewan Rakyat yang lain begitu garang dan

sombong, apatah lagi dengan Ahli-ahli DAP? Lagi ‘cengeh’ orang Kedah kata. Itulah saya kata penyakit Ketua Pembangkang tadi macam peribahasa yang saya kata itu, saya tidak mahu ulanglah, bukan saya mengecil-ngecilkan orang perempuan - tidak! Ini peribahasa, Jelutong kena baca lagi, tidak mengapa, saya boleh melapangkan masa untuk memberi tuition kepada Jelutong dari segi peribahasa. Jangan kata kepada saya lain kali dan saya telah kata sekali, jangan dok ulang-ulang berkali-kali Jelutong, dok ulang ayat itu sudah banyak kali dah, macam mana? Nanti saya kata lebih kurang Jelutong marah kepada saya pula. Tidak mengapa, Jelutong bagus, sekejap lagi dia dok bertengkar dengan saya, Jelutong nanti rebah atau apa, susah pula.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya meminta Ahli-ahli Pembangkang, kalau pun hendak menegur kerajaan, saya ingat saya bersetuju macam Kepong itu, tegur dengan elok dan berbudi bahasa, sebab itu dia baik.

Okay, kehadiran Ahli Dewan. Saya hendak tunjukkan di sini, Ahli Dewan Gua Musang, berapa kali hadir di Dewan Rakyat? Mai angkat sumpah, selepas itu balik tak mai-mai dah. Sedangkan Dewan Rakyat inilah tempat kita membela, membahar nasib rakyat, patutlah Gua Musang teruk macam gua musang betoi, tempat musang duduk, tidak tertib, tidak teratur. Jadi, ini Dewan Rakyat, kalau Menteri-menteri Barisan Nasional tidak hadir, kerana tugas, pergi keluar negara mempertingkatkan imej negara, masuk kampung keluar kampung. Ini Ketua Pembangkang PAS pun hadir, bila Menteri menjawab tinggalkan Dewan. Balik di kampung kata kita sokong, kita membela nasib rakyat, dok pekena rakyat macam itulah, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, mana ada disiplin?

Tuan Yang di-Pertua, jadi, saya berharap sungguh-sungguh kalau boleh jangan kita menuduh kepada satu pihak yang lain, kalau pihak kita sendiri itu ada kelemahan-kelemahannya. Ini saya hendak memberitahu kepada pihak Pembangkang, saya kena pertahan benda ini kerana beliau kelmarin mengecil-kecilkan, saya pun dikecil-kecilkan, seolah-olah saya ini tidak erti bahasa.

Jadi, janganlah Tanjong ingat dia itu cerdik lebih sangat, pandai sangat. Kalau dia pandai sudah berapa kali Tanjong tidak menang. Orang cemuih tengok dia, orang tidak larat. Cuba kita berucap dengan nada yang baik dan dengan nada yang merayu, kita pun merasa kasihan - macam Kepong, saya cukup kasihan, kalau dia bangun 10 kali pun untuk minta lalu, saya akan beri - fasal kasihan kepada dia. Tetapi yang lain-lain itu 'cengil' tidak tentu fasal.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu, saya setuju dengan Kepong - semangat setiakawan. Walaupun kita berpolitik, di dalam Dewan Rakyat kita berbahas dan kadang-kadang ada nada marah, tetapi kita kena berkawan. Di luar Dewan kita kena berkawan. Macam kelmarin, Tanjong kata hendak ajar saya di luar Dewan, belum tentu lagi - di luar Dewan dia ajar saya atau saya ajar dia? Sat ni, baik tidak baik, saya ajar dia. Jadi, jangan mentakrifkan seseorang itu begitu rendah.

Kita perlu muafakat. Kalau kita pergi ke tempat rehat Ahli-ahli Dewan Rakyat - bersama-samalah, janganlah semua mengasingkan diri - PAS dengan PAS, Semangat 46 dengan Semangat 46, kita duduklah bersama, kita ini pembela rakyat. Jadi, kalau kita dok bercakap macam ini - we are not professional, my friend, dengan izin. Macam saya, saya berkawan semua, dengan Tuan pun saya

berkawan, walaupun kadang-kadang saya angguk walaupun tidak faham apa yang dia cakap, tetapi saya berkawan [*Ketawa*]. Jadi, sebagai Wakil Rakyat kita kena macam itu, barulah kita membela nasib rakyat. Macam Bagan, dua, tiga kali dia keluar masuk pun, tidak apalah, masuklah - hari ini saya ucapkan tahniah kepada Bagan - senyum Bagan, macam itulah. Kita kena hormat-menghormati.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang ingin saya nyatakan di sini ialah, kita sudah faham bahawa Dewan Rakyat adalah Dewan yang tertinggi dan Dewan yang menggubal undang-undang negara ini, jadi, saya ingin mempertahankan juga - tentang ucapan Ketua Pembangkang kelmarin, apabila Tuan Yang di-Pertua terlebih dahulu memohon maaf di atas kelewatan aturcara persidangan kita ini. Saya kira beliau tidak sepatutnya bangun dan dengan nada yang begitu tinggi memandang rendah di atas pentadbiran Dewan Rakyat. Mungkin benda-benda yang di luar jangkaan berlaku dan mungkin kesilapan daripada syarikat percetakan atau syarikat yang mencetakkan Peraturan-peraturan kita ini. Jadi, sebelum kita hendak menuduh sesuatu itu, kita perlu siasat, dan bagi kita sebagai orang Islam dan orang Melayu, apabila orang telah meminta maaf, kita bukan boleh hendak bising-bising lagi. Kalau macam saya, apabila Jelutong sudah minta maaf, okaylah, habislah - saya kira selesai dan saya tidak hendak bising-bising lagi kerana kita ini macam 'we forget and forgive' - kita kena bertolak ansur.

Jadi, saya merasa keciwa dan berasa amat kesal di atas ucapan Ketua Pembangkang yang begitu marah kepada pengurusan Dewan Rakyat disebabkan kelewatan dan ini bukanlah selalu, sekali sekala. Walau bagaimanapun saya kira

pihak pengurusan Dewan Rakyat akan dapat memperbetulkan keadaan ini. Kesilapan manusia ini kadang-kadang tidak disengajakan. Macam saya katakan kelmarin, kita merancang Tuhan yang menentukan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang saya ingin utarakan ialah, saya bersetuju dengan era teknologi maklumat yang disarankan oleh Kepong. Memang kita memerlukan butir-butir dan maklumat yang terbaru dan terkini untuk dijadikan bahan kita berbahas di dalam Dewan yang mulia ini kerana kadang-kadang sebagai Ahli Dewan Rakyat kita committed kepada tanggungjawab kita, sama ada menjalankan tugas kita menemui rakyat, menyelesaikan masalah-masalah rakyat, kita juga kadang-kadang ketinggalan dari segi mendapat maklumat yang terbaru, kecuali daripada parti Pembangkang - mereka bukan kerja dengan rakyat, mereka tidak masuk kampung duduk dengan rakyat. Bila rakyat minta peruntukan mereka kata “mereka tidak ada duit” tetapi mereka tidak berikhtiar untuk mencari bagi membolehkan benda itu berjaya.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Bangun]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Pokok Sena bangun.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Sila, sila.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Yan, sebab saya lihat di sini Ahli Jawatankuasa yang membentangkan Usul ini adalah terdiri daripada Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw, Ahli Parlimen Kawasan Kepong. Dan tadi, Yang

Berhormat sebut tentang kita memilih mereka ini untuk memainkan peranan, tetapi saya tengok beliau sebagai Ahli Jawatankuasa datang lewat, selepas itu mengambil kesempatan untuk bangun di sini mencerca perkara-perkara yang ada di dalam ini. Jadi, saya hendak minta apa pendapat Yang Berhormat.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Itulah Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kita berkelulusan tinggi dan kita seorang doktor, tetapi kita tidak faham - bukannya doktor itu cerdik semua. Macam Yang Berhormat Kepong itu doktor sakit kulit, kalau yang datang orang yang sakit dada, dia tidak ertilah. Bagi sakit kulit dia beri vitamin C, dia sapu ubat gatal sedikit - hilang. Jadi, kita beri jawatan kepada dia, suruh dia jaga dan suruh dia datang, dia lambat - itu tidak bertanggungjawab. Kalau saya dijemput hadir pada waktu sekian-sekian, saya akan sampai sekurang-kurangnya 10 minit atau 15 minit lebih awal. Kemudian tidak boleh berbincang, tentulah dalam mesyuarat kena beri pernyataan, memberi pandangan, tidak puas hati masuk dalam Dewan ini bercakap panjang lebar. Jadi, saya berharap Yang Berhormat dari Kepong, lain kali kalau tidak sanggup jangan terima. Jangan kita terima benda yang kita tidak boleh buat, begitu juga pesakit-pesakit, kalau dia datang dia sakit lain, jangan beri ubat sakit kulit kerana kita hendakkan duit dia.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya kira banyak rakan saya yang bangun hendak membahaskan Usul ini, jadi, saya menyokong penuh berkenaan peraturan ini dan saya berharap dengan harapan yang setinggi gunung supaya kita Ahli-ahli Dewan Rakyat perlulah mengadakan satu perhubungan silaturrahim yang baik di

antara satu sama lain dan mempunyai budi bahasa. Kalau kita mahu orang lain hormat kita, kita kena hormat terutama diri kita dan kita kena hormat orang dahulu, barulah orang boleh menghormati kita. Dan kalau kita mahu orang dengar ucapan dan nasihat kita, kita kena perlu mendengar nasihat dan percakapan orang, barulah boleh. Kalau kita hendak kira kita sahaja, orang tidak pakai, kita bukanlah pemimpin yang baik dan saya bersetuju semua pemimpin Barisan Nasional adalah pemimpin yang baik dan berwibawa, termasuklah seorang dua dari pihak pembangkang. Yang lain itu, perlu balik ke sekolah untuk mendisiplinkan diri kita, banyak membaca dan juga banyak berjalan dan berkawan supaya kita mendapat iktibar daripada pergaulan kita itu. Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Jelutong.

4.47 ptg.

Tuan R. Karpal Singh [Jelutong]: Terima kasih, Tuan Speaker. Tuan Speaker, Usul yang dibentangkan oleh Perdana Menteri atas pindaan-pindaan kepada peraturan-peraturan Mesyuarat Tetap, oleh kerana pindaan-pindaan ini adalah pindaan-pindaan yang membawa 'far reaching consequences' - baiklah, jika kita di sini meneliti dengan mendalam akibat jika pindaan-pindaan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di luluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Saya ingin menyentuh dengan sedikit masa di atas Peraturan 44. Pindaan-pindaan yang ada di hadapan kami sekarang mengenai disiplin, meninggikan

penalti jikalau seseorang Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini melanggar peraturan-peraturan, khasnya Peraturan 44.

Tuan Speaker, Peraturan 44 ada dalam peraturan-peraturan sehingga sekarang dan apa yang menjadi penalti sebelum peraturan-peraturan ini di pinda, dalam fikiran saya, adalah munasabah, tidak perlu untuk membawa satu 'resoled of the democalist' atas kepala seorang ahli Dewan yang mulia ini.

Tuan Speaker, untuk menentukan tidak ada penyalahgunaan kuasa oleh seorang Speaker apabila bertindak di bawah Peraturan 44, mutu seorang Speaker haruslah mutu yang tertinggi dan baik. Jikalau kami lihat kepada apa yang terjadi di masa lampau di dalam Dewan yang mulia ini apabila peraturan itu ada digunakan oleh seorang Speaker, haruslah pindaan dibuat sekarang sepertimana yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya beri satu contoh di mana peraturan itu tanpa pindaan ada disalahguna.

Tuan Speaker, di sini 11 tahun lalu, saya sebagai Ahli Dewan Rakyat bagi Jelutong - ini bukan sekali, 5 kali dari Jelutong tetapi itu significant. Tahun 1984, saya ada di sini menyoyal tindak-tanduk kelakuan Yang di-Pertuan Agong, masa itu Sultan Johor. Kelakuan dia apabila dia hentam dua kerabat Pahang dan dua orang awam. Mengikut apa yang saya bangkitkan di sini dan apa yang saya bangkitkan 11 tahun dahulu menjadi kenyataan pada tahun 1993/1994 apabila pindaan dibuat kepada Perkara 181 dan Perkara 182. Sekarang ada Mahkamah Khas. Jikalau mana-mana raja tidak mengikut undang-undang, boleh dibawa ke mahkamah untuk dibicarakan. Kes Sultan Pahang sebagai satu contoh.

Saya balik kepada apa yang terjadi di sini, Tuan Speaker. Barisan Nasional masa itu membawa satu Usul di Dewan yang mulia ini. Usul itu diluluskan. Akibat kelulusan Usul itu, Ahli dari Jelutong dipecat dari Dewan yang mulia ini sampai beliau membuat satu kenyataan bahawa menarik balik apa yang dikatakan oleh dia dan minta maaf daripada Yang di-Pertuan Agong.

Di sini, dalam debate Usul itu, beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional telah bangkit di sini dan menuduh saya sebagai orang yang menghina Yang di-Pertuan Agong. Ada seorang di sini bangkit dan ada beri amaran kepada saya, “What you are saying is treason” dan treason jadi satu pertuduhan, jikalau dibicarakan membawa hukuman maut.

Akibat Usul itu, Tuan Speaker, adalah oleh kerana I was in contempt of Parliament, oleh itu dipecat dari Dewan Rakyat. Masa itu saya ada memberi jaminan untuk tidak meminta maaf daripada Yang di-Pertuan Agong ini oleh kerana apa yang beliau buat adalah melanggar undang-undang. Walaupun dia adalah Yang di-Pertuan Agong, dia tidak ada hak untuk menghentam sesiapa. Saya ada memberi jaminan dalam pilihanraya yang akan datang iaitu dalam tahun 1986, saya kembali atas isu itu - kerusi ini juga, Tuan Speaker.

Apa yang saya hendak menerangkan, Tuan Speaker, ialah kuasa yang luas, yang ada dalam tangan, kuasa Tuan Speaker masa itu, tidak payah untuk Tuan Speaker pinda apa yang lebih daripada luas. Apa yang penting ialah mutu seorang Speaker. Masa itu, Tuan Speaker, apabila membenarkan Barisan Nasional untuk membawa Usul seperti itu, tidak menjalankan kuasa dia dengan sempurna, dalam

fahaman saya, haruslah mutu seorang Speaker ditingkatkan jikalau pindaan-pindaan seperti ini harus diluluskan.

Dalam sejarah Dewan Rakyat dalam negara kita, Tuan Speaker, walaupun ada banyak Tuan Speaker yang memegang kuasa itu ada menjalankan kuasanya dengan lancar dan dengan baik tetapi ada exception. Jikalau di mana ada exception, kami untuk menentukan pindaan-pindaan yang dibuat adalah munasabah. Jangan letak dalam tangan seorang Speaker yang tidak matang untuk bertindak di bawah peraturan-peraturan seperti itu.

Saya beri satu lagi contoh, Tuan Speaker. Seorang yang tidak matang, yang dilantik sebagai Timbalan Speaker, D.P. Vijandran, telah dibuktikan di dalam mahkamah sekarang di mana beliau dijatuhkan hukuman atas pertuduhan berbohong dalam mahkamah. Belum masuk penjara celaka ini tetapi ada didapati bersalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, jangan gunakan perkataan “celaka”.

Tuan R. Karpal Singh: Dia bukan seorang manusia, boleh digunakan ke atas orang itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Itu memang tidak dibenarkan.

Tuan R. Karpal Singh: Bukan, saya boleh tarik balik tetapi apa yang factual, seorang yang bertindak dalam video lucu. Jikalau dia tidak celaka, saya tidak tahu siapa celaka. Jangan, Tuan Speaker, let's not be hypocritical. Orang ini

telah didapati bersalah oleh sebuah mahkamah. Bukan saya yang menjadi hakim dalam perbicaraan itu, walaupun saya menjadi complainant bagi kepentingan orang ramai. Dan ada juga Speaker-speaker bermutu yang berani dan sebagai contoh, Tuan Speaker sendiri. Apabila di dalam Dewan yang mulia ini, saya telah membawa video lucu itu sebagai bukti dan saya telah menyerahkan video itu kepada Tuan Speaker sendiri.

Tuan Speaker berani dan telah menerima. Tetapi apa yang terjadi? Adakah Tuan Speaker, masa itu apabila menjalankan kuasa - independant? Apa akibat itu, Tuan Speaker? Kabinet ada memberi keputusan bahawa pita video itu dikembalikan kepada saya. Itu bermakna apa yang diputuskan oleh Tuan Speaker tidak diterima oleh Kabinet dan apa yang saya faham, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memarahi Tuan Speaker kerana menerima video lucu itu. Dia menyatakan, apa yang saya difahamkan, I have got my own sources, dengan izin, "Why did you accept that pornographic tapes? Which country has a pornographic tape as an exhibit?" Maknanya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada Tuan Speaker sendiri. Ini saya dengar, saya ingat ada asas dalam apa yang saya dengar.

Itu bermakna eksekutif mempengaruhi satu keputusan yang diambil oleh Tuan Speaker oleh kerana apabila Tuan Speaker bertindak, bukan bertindak sebagai Timbalan, tetapi sebagai Tuan Speaker.

Saya harap apabila seorang Ahli Dewan ini yang dilantik sebagai Speaker adalah daripada orang yang baik atau orang yang without fear or favour. Dalam

Dewan yang mulia ini, the Speaker is nobody's man oleh kerana Speaker tidak melihat dan memandang ke sana atau di sini, tetapi di tengah-tengah. Tuan Speaker menjadi orang tengah.

Tuan Speaker, pada fikiran saya, Peraturan 44, apa yang ada sudah lebih daripada luas. Apa yang sekarang termasuk di dalam pindaan memberi kuasa-kuasa yang lebih luas dan tidak payah untuk memasukkan pindaan-pindaan. Atau dengan izin, Peraturan-peraturan Mesyuarat adalah "but the handmaiden, not the master". Oleh kerana ini adalah peraturan-peraturan dan tidak payah Tuan Speaker menggunakan peraturan-peraturan ini untuk menakutkan seorang Ahli dalam Dewan yang mulia ini untuk menyuarakan bagi pihak kepentingan orang ramai apa yang perlu disuarakan dalam Dewan ini without fear or favour.

Tetapi jikalau ada kuasa-kuasa yang luas yang ada di dalam tangan seorang Speaker end to compound matters, dengan izin, jikalau seorang Speaker itu tidak bermoral sebagaimana D.P. Vijandran, bolehkah kuasa seperti itu diletakkan di dalam tangannya?

Oleh itu, saya merayu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang membentangkan pindaan kepada Peraturan-peraturan dalam Dewan yang mulia ini, walaupun beliau sendiri tidak ada di sini. Malangnya beliau tidak ada di sini oleh kerana apa yang saya nyatakan tadi, oleh kerana ada far-reaching consequences. Lebih baik, kerana beliau menjadi pemimpin yang tertinggi di dalam Barisan Nasional, jikalau beliau bertanggungjawab, lebih baik beliau ada di sini untuk

Tuan Speaker, membentangkan dan menjawab apa yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli dari Pembangkang.

Masa yang diberikan, kelmarin petang apabila kami hadir di sini, nampak kertas laporan itu yang ada di sini. Apabila rakan saya dari Tanjong membuat satu rayuan kepada Menteri Pertahanan yang membentangkan usul itu untuk memberi masa yang lebih, bukan kepada kami di sini juga, tetapi juga kepada semua ahli-ahli oleh kerana ada far-reaching consequences untuk meneliti dengan baik dan dengan mendalam peraturan-peraturan ini, tetapi tidak. It all fell on deaf ears. Kenapa?

Tuan Speaker sendiri ada dilaporkan di dalam surat khabar hari ini telah apologise atau meminta maaf oleh kerana ada technical default, oleh itu pada hari Sabtu juga kertas-kertas ini ada di dalam Parlimen. Minta maaf tidak cukup. Jikalau ada technical fault di mana-mana, kenapa Tuan Speaker tidak memberi masa? Tak payah untuk rush apa yang tidak perlu untuk dirush, peraturan-peraturan lama memang ada di sana, bukan dibuang. Ini bukan keadaan di mana tidak ada peraturan-peraturan, oleh itu perlu dengan serta-merta meluluskan apa yang ada di hadapan kita.

Tuan Speaker, in the end, we have to be reasonable dan bukan Tuan Speaker sendiri, tetapi Tan Sri Zahir. Saya ingat dalam hal ini, apa yang telah dibuat oleh beliau tidak baik dan tidak munasabah walaupun dia kawan saya. Kawan lama. Satu masa dahulu beliau seorang peguam dan ada di mahkamah dan pernah lawan di antara satu sama lain. Tetapi that is not the point. Apa yang

dibuat oleh beliau - apology tidak mencukupi. We don't talk on apologies. This is not a Dewan of apologies.

Rakan saya - bukan rakan, Menteri, oleh kerana dia ingat dia tinggi daripada saya walaupun peguam. Kenapa kelmarin tidak menerima rayuan daripada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong? Tadi ada aduan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Yan dan sebagainya. Apabila kelmarin Ahli Yang Berhormat dari Tanjong bangun, dia memberi amaran. Dia mengatakan, "saya marah". Dalam nada itu beliau mengambil bahagian dalam perbahasan dan membuat penghujahan-penghujahan dengan nada yang tinggi dan oleh itu menjadi bahan yang dieksploitasikan untuk memperkecilkan dia hari ini dengan menggunakan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Yan tadi.

Ini peribahasa. Apa yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong kelmarin, katanya, "boleh dibandingkan dengan seorang wanita" seperti apa yang dikatakannya tadi. Bolehkah perkataan seperti itu - kaum wanita pun sebahagian daripada masyarakat. Bolehkah kita memperkecilkan beliau dalam Dewan yang mulia ini?

Jikalau itu adalah peribahasa, bolehkah peribahasa seperti itu dikekalkan? Pada fikiran saya, jikalau itu peribahasa, lebih baik dimansuhkan oleh kerana itu membawa satu penghinaan kepada kaum wanita. Saya tidak tahu adakah ini peribahasa.

Dalam Dewan yang mulia ini juga, saya ingat lebih kurang 15 tahun kebekalangan ini, bekas Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh, dia bangun di sini dalam satu perbahasan dan menyuarakan ini, "apabila melihat seorang India dan seekor ular, hentam India dahulu!" [*Ketawa*] Ada dibuat oleh beliau di sini.

Apabila saya bangkit dan saya minta penjelasan, itu bukan ditujukan kepada saya, dia tujukan kepada orang lain!

Ahli Yang Berhormat itu dari Pasir Puteh, beliau menyatakan, “Ini bukan ditujukan kepada awak; awak orang Singh, ini ditujukan kepada orang India!” Memperkecil-kecilkan sesuatu masyarakat! Semua orang India, saya pun termasuk juga. Walaupun orang Malaysia, tetapi keturunan India. We cannot forget our roots!

Beliau tidak menarik balik. Saya ada merayu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri masa itu untuk menarik balik. Bukan kerana dia pun sedikit India, bukan sebab itu, [*Ketawa*] tetapi bagi kepentingan masyarakat India dalam negara ini. Tetapi dia enggan dan tidak menarik balik. Sampai hari ini apa yang dikatakan peribahasa ada dalam *Hansard*.

Tuan Speaker, jikalau peribahasa seperti itu, lebih baik jangan digunakan oleh kerana ini tidak baik untuk semua Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini.

Akhirnya, saya merayu kepada Menteri Pertahanan untuk pertahankan kemuliaan Dewan ini. Jangan membuat sesuatu yang tidak baik bagi faedah untuk Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini Barisan Nasional memerintah. Jikalau peraturan-peraturan seperti ini diluluskan, esok jikalau satu parti yang lain, parti yang tidak baik; bukan DAP atau Semangat 46 memerintah dan jikalau ini ada dalam tangannya; ini boleh digunakan ke atas ahli-ahli Barisan Nasional termasuk Menteri Pertahanan yang dalam masa itu barangkali ada dalam pembangkang atau barangkali luar daripada pembangkang - kalah terus. [*Ketawa*] Ingat di masa hadapan, Tuan Yang di-Pertua. Apa yang dibuat oleh Barisan Nasional can be counter product in the end dan oleh itu saya merayu kepada Barisan Nasional di

sini, khasnya Menteri Pertahanan untuk menentukan pindaan-pindaan ini khasnya pindaan kepada Peraturan 44 tidak diluluskan.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Senai.

5.12 ptg.

Tuan Lim Si Cheng [Senai]: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk mengambil bahagian dalam perbahasan menyokong pindaan-pindaan yang dicadangkan untuk meminda Peraturan Mesyuarat 86(3) ini.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk memberi pandangan saya di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, semalam Dewan yang mulia ini telah dimaklumkan tentang sebab kelewatan Aturan Urusan Mesyuarat dan kita telah dimaklumkan sebab-sebab yang telah disampaikan oleh Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kita bersetuju apa yang telah disarankan. Akan tetapi kita sangat-sangat berharap supaya perkara ini tidak akan berulang.

Akan tetapi, di sini saya ingin memaklumkan mengikut apa yang telah disarankan oleh Ketua Pembangkang dalam perbahasan beliau; pihak Ketua Pembangkang memang tidak bersetuju atas alasan-alasan yang diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari kawasan Tanjong...

Tuan Lim Kit Siang: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tanjong bangun. Dia hendak minta penjelasan. Hendak beri jalan?

Tuan Lim Kit Siang: Sampai hari ini saya tidak tahu apa sebab kelewatan Order Paper yang dikemukakan kepada Dewan yang mulia ini. Apa yang Tuan Yang di-Pertua ada ucapkan semalam ialah meminta maaf dan kita menerima atas kelewatan menyiapkan Aturan Urusan Mesyuarat pada mesyuarat ini. Tetapi apa sebabnya? Apa sebabnya berlaku kelewatan? Sebab itu langsung kita tidak tahu. Oleh kerana apa yang telah Tuan Yang di-Pertua kata ialah dia meminta maaf, sebabnya, saya quote:-

“Kami telah menghantarkan derafnya pada masa yang lazim dan diharap mereka menghantarkan balik kepada kami pada masa yang lazim iaitu pada hari Sabtu yang lepas”.

Kita rasa perbuatan lazim tidak boleh diterima. Apa yang patut lazim bukan dua hari sebelum persidangan tetapi sepuluh hari sebelum persidangan.

Yang kedua:-

“Malangnya kami tidak dapat menerima dokumen itu pada hari Sabtu yang lepas itu sungguhpun pegawai kami menunggunya hingga ke petang hari. Sebabnya seperti yang kami telah diberitahu ada masalah dalaman di pejabat cetak”.

Apa itu masalah?

Tuan Lim Si Cheng: [*Bangun*]

Tuan Lim Kit Siang: Saya belum habis. Saya belum habis. Saya meminta penjelasan. Saya belum habis. Duduk! [*Disampuk*] Apa masalah?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti dulu.

Tuan Lim Si Cheng: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Lim Kit Siang: Apa masalah dalaman itu? Bolehkah dua orang berdiri? Seorang berdiri sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti sekejap. Yang Berhormat Senai, beri Yang Berhormat dari Tanjong soal apa yang dia hendak soal dan Yang Berhormat dari Tanjong dinasihatkan jangan ambil kesempatan ini untuk berucap. Hanya boleh minta penjelasan....

Tuan Lim Kit Siang: Saya minta penjelasan. Saya quote ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: ...daripada Yang Berhormat dari Senai.

Tuan Lim Kit Siang: ...untuk minta penjelasan sahaja. Kalau tidak quote bagaimana boleh minta penjelasan. Sebab itu seperti yang kami telah diberitahu ada masalah dalaman di pejabat cetak. Apa “masalah dalaman” di pejabat cetak? Kita tidak tahu sama ada wajar atau tidak wajar, patut atau tidak patut? Kalau begitu, siapa salah?

Tuan Lim Si Cheng: [*Bangun*]

Tuan Lim Kit Siang: Belum habis. Apabila saya ada floor, saya ada floor. Belajar lagi Peraturan Mesyuarat. Yang Berhormat, Menteri belajar lagi ya.

“Kami hanya menerima dokumen itu pada jam 8.30 pagi ini. Kejadian ini kami sendiri amat dukacita dan harap dimaklumkan.” Kita menerima permintaan maaf ini tetapi kita tidak boleh puashati oleh kerana sebab kelewatan tidak ada orang tahu tetapi orang atau Ahli-ahli Parlimen tidak tahu sebab pun boleh menerima. Ini masalah yang mustahak dan saya minta penjelasan....[*Disampuk*] Sabar. Sabar. Saya minta penjelasan ialah sama ada kita boleh ada satu kajian supaya “perbuatan lazim” bukan untuk Aturan Urusan Mesyuarat sampai ke Parlimen dua hari sebelum persidangan oleh kerana bila sampai ke Parlimen dua hari sebelum persidangan, Ahli-ahli Parlimen tidak boleh dapat sehingga hari persidangan oleh kerana selepas hari Sabtu, Ahad - siapa datang? Hari Isnin dan sebab itu untuk Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional mereka mendapat pre-council. Bila? Semalam sahaja, 12.30 tengahari, Pre-council. Semua datang. Tidak ada peraturan mesyuarat, tidak tahu apa urusan.

Inilah kita mahu perbetulkan dan sebab itu bukan sahaja oleh kerana ada masalah di pejabat cetak tetapi schedule semua salah. Kita mahu satu konvensyen di mana apa yang lazim ialah percetakan dibuat seminggu dahulu daripada apa yang dilakukan sekarang. Saya haraplah bahawa yang meminta penjelasan, bukankah ini mustahak? Janganlah oleh kerana kita Ahli Parlimen Barisan Nasional, semua pun mahu sokong membuta tuli.

Tuan Lim Si Cheng: Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pembangkang ini telah menjadi Ahli Parlimen selama 26 tahun dan kata beliau.....

[*Y.B. Tuan Lim Kit Siang berjalan keluar dari Dewan*]

Beberapa Ahli: Tunggulah!

Tuan Lim Si Cheng: Kali ini kali yang pertama perkara seumpama ini berlaku, jadi saya fikir perkara ini boleh diberi maaf.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah mendengar ucapan perbahasan daripada Ketua Pembangkang semalam. Sikap beliau, kelakuan beliau memang tidak boleh diterima. Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya pindaan-pindaan terhadap peraturan memang diperlukan kerana dengan adanya pindaan ini dapat dilakukan jika Peraturan Mesyuarat itu berkesan dan jelas.

Tuan Yang di-Pertua, semalam juga dalam perbahasan Ketua Pembangkang ini yang menyatakan kita Backbencher dari Barisan Nasional ini tidak ada tulang belakang.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua menang. Kita menang kerana kita mendapat sokongan padu daripada rakyat dan rakyat ini adalah tulang belakang kepada kita di Barisan Nasional. [*Tepuk*] Saya memang bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang meminta supaya Dewan ini dapat mewujudkan satu keadaan kegembiraan. Tetapi dengan sikap dan cara yang telah ditunjukkan oleh Ketua Pembangkang, oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Tanjong, macam mana kita boleh mewujudkan keadaan kegembiraan itu. Saya berasa kesal dan dukacita kerana seorang Ahli Parlimen yang begitu berpengalaman juga berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa tujuan utama pindaan-pindaan tersebut dicadangkan adalah untuk memastikan bahawa persidangan Dewan Rakyat ini dapat berjalan dengan lancar dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan yang telah dibuat ini tidak menghapuskan peluang kita berucap, peluang kita menyampaikan hasrat rakyat di Dewan yang mulia ini. Ini penting kerana ia akan dapat memastikan bahawa masa tidak dibuang sewenang-wenangnya dan segala prosedur dan peraturan Dewan dipatuhi oleh semua Ahli. Di samping itu, dia juga untuk memastikan bahawa tindak-tanduk Ahli-ahli tidak akan mengganggu perjalanan persidangan dan tidak membuang masa semua pihak yang terlibat.

Saya menyokong pindaan-pindaan kepada Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat kerana kita sebagai Wakil Rakyat perlu menjaga dan melindungi kepentingan dan kebajikan rakyat jelata di negara ini. Mereka telah memberi amanah kepada Dewan ini untuk menyuarakan hasrat dan aspirasi bagi pihak mereka di Dewan yang mulia ini. Oleh yang demikian, Dewan ini sesungguhnya mesti menjalankan fungsi mereka sebagai Wakil Rakyat dengan cekap dan berkesan melalui perbahasan, perbincangan dan perundingan yang teratur. Ini hanyalah dapat dilakukan jika peraturan mesyuarat itu berkesan dan jelas.

Tuan Yang di-Pertua, adalah sesetengah anggota dalam Dewan yang mulia ini yang hanya menggunakan prosedur-prosedur Dewan ini untuk mencari publisiti dan nama. Mereka tidak begitu mengambil berat tentang isu dan konsep demokrasi berparlimen. Di sini saya ingin membangkitkan hal yang digunakan

oleh pihak pembangkang yang mempunyai nama menjalankan, dengan izin, Parliamentary walk-out dan sering mengganggu prosedur Parlimen dengan cubaan-cubaan mereka menangguhkan sesi untuk membincangkan apa yang mereka anggap sebagai isu-isu awam yang amat penting semata-mata untuk mencari publisiti.

Tuan Yang di-Pertua, semalam kita juga dapat mendengar perbahasan daripada Yang Berhormat dari kawasan Machang. Beliau menyatakan jumlah soalan mulut 20 atau 5 tidak penting. Kerana, kata beliau dalam beberapa tahun ini beliau menjadi Ahli Parlimen di kawasan Machang, 16 soalan yang paling tinggi sekali dia menghantar kepada Dewan yang mulia ini. Tetapi kalau perkara ini disarankan oleh kita daripada Barisan Nasional, sudah tentu Ketua Pembangkang itu akan menyatakan kita malas, kita tak buat homework. Jadi, apa yang dikatakan oleh Ketua Pembangkang dalam ucapan beliau semalam semua double standard. Apa yang baik untuk pembangkang, beliau sokong. Apa yang tidak baik untuk mereka tetapi baik untuk semua rakyat, mereka bangkang.

Saya ingin memberi contoh. Semasa pilihanraya yang lepas baru-baru ini DAP kalah teruk di Pulau Pinang. Apabila berlaku satu power breakdown, terputus bekalan elektrik, kata mereka kerana rakyat di Pulau Pinang sokong Barisan Nasional. Barisan Nasional yang mengakibatkan kejadian ini.

Tuan Yang di-Pertua, pilihanraya kecil Bagan yang berlangsung tidak lama selepas pilihanraya kecil diadakan, rakyat jelata di Pulau Pinang menghadapi masalah banjir melanda di kawasan Pulau Pinang. Adakah itu disebabkan rakyat

Pulau Pinang memberi sokongan kepada DAP di kawasan Bagan? Apa yang dikatakan oleh DAP memang double standard.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya memberi contoh tentang pindaan Peraturan 18 - “Tuan Yang di-Pertua setelah berpuas hati bahawa usul yang dibawa itu memenuhi kehendak peraturan, barulah membenarkan Ahli Yang Berhormat yang berkenaan berucap atas usul tersebut”.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dan saya fikir pindaan ini sesuai dan tepat. Apabila Tuan Yang di-Pertua melihat dan tidak berpuas hati dengan usul itu, tidak payah berucap. Ini memang tepat dan sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan sedemikian sungguh menyedihkan kerana pihak pembangkang tidak pernah mengambil ingatan dari masa-masa lalu. Tahun demi tahun sebagai Ahli Dewan yang mulia ini, anggota-anggota tertentu dari pihak pembangkang telah mendakwa bahawa demokrasi berparlimen di negara ini adalah palsu. Akan tetapi golongan yang sama ini sering dan tanpa ragu-ragu akan terus bertanding dalam pilihanraya dan juga terus duduk di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan-pindaan yang dicadangkan itu kerana sejarah Parlimen negara ini dipenuhi dengan rekod penyalahgunaan oleh pihak-pihak tertentu dari Pembangkang yang mengingkari peraturan-peraturan mesyuarat Dewan demi mencari nama di media masa oleh kerana pindaan-pindaan tersebut melibatkan hak keistimewaan, kuasa dan magnanimity Dewan Rakyat ini. Saya berharap semua rakan seperjuangan saya memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada kepentingan rakyat yang mengundi mereka masuk ke Dewan,

bahawa dalam menentukan pindaan-pindaan tersebut tidak membenarkan perasaan peribadi dan lain-lain pertimbangan yang tidak berkaitan mengganggu perbincangan hari ini. Apa yang perlu diingati ialah kepentingan rakyat yang menaruh keyakinan penuh dalam Dewan yang mulia ini untuk membincang dan membahaskan hal-hal yang menentukan masa hadapan negara.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini saya mohon menyokong pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada Peraturan 86(3) itu. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Bandau.

5.29 ptg.

Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk menyumbangkan kepada perbahasan atas perkara di hadapan kita iaitu mengenai Kertas DR.2/95 iaitu Penyata Khas Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, setelah kita banyak mendengar ucapan-ucapan yang telah pun disampaikan dalam dua hari ini dan kalaulah Yang Berhormat dari Tanjong mengatakan beliau merasa begitu marah dan kalaulah Yang Berhormat dari Machang mengatakan merasa terkilan, maka pihak kita merasa kecewa mengenai perkara yang sedang dibentangkan dan dibahaskan ini dari dua segi.

Pertama, kita kecewa dari segi cara-cara penyata khas ini dibawa kepada makluman Dewan untuk dibahas.

Kedua, dari segi tujuan perubahan-perubahan di dalam peraturan mesyuarat yang telah dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana juga yang telah pun disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, masa yang telah diberi bagi ahli-ahli Dewan yang mulia ini untuk membahaskan perkara ini amatlah mengecewakan, kerana masa yang singkat, yang suntuk. Notis sama sekali tidak ada untuk membolehkan satu perbahasan yang objektif, satu perbahasan yang panjang, yang mempunyai mutu tinggi. Atas dasar itulah beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah mengatakan supaya seharusnya perbahasan mengenai perkara ini ditundakan kepada hari yang ditentukan, supaya dapat dikaji dengan sebegitu dalam, supaya pandangan-pandangan keseluruhan dapat diambilkira. Kerana perubahan-perubahan kepada peraturan-peraturan yang dicadangkan amat membawa akibat yang pada keseluruhannya, yang saya akan sentuh ini nanti tidak akan membawa kebaikan kepada proses dan kualiti peraturan-peraturan mesyuarat, khususnya daripada penyumbangan idea-idea dan saranan-saranan melalui proses perbahasan.

Tuan Yang di-Pertua, telah dikatakan pada hari kelmarin kenapa sebabnya Kertas Aturan Urusan Mesyuarat ini terlambat. Tuan Yang di-Pertua telah mengatakan bahawa disebabkan perkara-perkara dalaman, masalah-masalah dalaman di pihak pencetak. Walaupun kita tidak diberitahu apakah sebabnya sebegitu, adakah mesin itu telah tidak berfungsi ataupun perkara-perkara yang lain? Yang penting di sini, Tuan Yang di-Pertua, ialah perkara ini harus tidak terjadi kerana ini Parlimen, ini bukan jabatan kerajaan yang biasa, ini bukan

sekolah, ini institusi yang tertinggi di dalam negara kita dari segi membuat keputusan mengenai dasar-dasar kerajaan.

Saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, bahawa walaupun kita terima alasan sepertimana yang diberi oleh pihak Yang di-Pertua Dewan, tetapi tindakan yang khusus, yang tegas haruslah diambil, bukan sahaja supaya mengelakkan agar perkara ini tidak lagi diulang kali, tetapi supaya penjelasan itu bukan sahaja munasabah bahkan dapat diterima. Kerana sepertimana yang saya sentuhkan tadi, ini Parlimen, institusi yang tertinggi di negara ini dari segi policy making, dengan izin. Maka kita berharap pihak Dewan akan mengkaji masalah ini dan kita sedia maklum bahawa Percetakan Kerajaan sudah diswastakan dan kalau pihak syarikat yang bertanggungjawab untuk mencetak tidak dapat melakukan tugas dengan baik, maka kita minta kerajaan mengambil tindakan-tindakan yang sesuai supaya tugas percetakan itu dikaji dengan sedalam-dalamnya.

Kalau boleh kita cadangkan supaya pihak lain atau syarikat lain melakukan tugas untuk mencetak perkara-perkara khususnya kertas-kertas yang penting, tidak lain dan tidak bukan ialah kertas-kertas Parlimen. Tuan Yang di-Pertua, kita percaya bahawa ini sangat penting dan kita ingin supaya tindakan yang tegas diambil supaya di masa-masa yang akan datang perkara ini tidak akan timbul lagi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, telah kita sentuhkan tadi, oleh kerana masa yang suntuk, yang diberi untuk membahaskan perkara ini dan juga kita lihat kertas ataupun laporan yang dibentangkan di atas meja mesyuarat adalah masih kertas yang sama seperti yang telah dibentangkan pada bulan Ogos yang

lalu. Walaupun perubahan dalam laporan ini telah dibuat sepertimana kita difahamkan, diarahkan oleh pihak Kabinet dan bukan melalui jawatankuasa khas yang ditentukan, tetapi kertas yang dahulu dipakai dan Menteri yang berkenaan telah memberi perubahan-perubahan tertentu, dengan izin, I think this is pathetic, this is Parliament dan kalau mencetak biarlah dengan penuh perubahan-perubahan supaya dapat dibentang dalam Dewan yang mulia ini dengan sempurna, dengan lengkap. Kita hairan sebagai satu institusi yang tertinggi, masa tidak mengizinkan ataupun kerja-kerja sokongan (support services) tidak boleh membekalkan kertas yang lengkap, yang dikhususkan untuk dibincangkan pada sesi kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa perkara-perkara seperti ini tidak mencerminkan Parlimen yang bermutu, Parlimen yang dikatakan progresif, walhal dia mencerminkan kelemahan-kelemahan yang harus diambil tindakan supaya tidak lagi berulang kali.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, dari segi kekecewaan kita, dari segi tujuan untuk membuat perubahan-perubahan sepertimana yang dicadangkan memang kita berterima kasih, ada juga perubahan-perubahan yang positif. Ada juga perubahan-perubahan yang progresif yang kita percaya akan mempertingkatkan lagi mutu perbahasan, pertukaran-pertukaran fikiran dan juga dari segi aturan mesyuarat keseluruhan. Tetapi ada beberapa seksyen ataupun bahagian yang meragui, yang seharusnya ditarik balik sepertimana yang telah dicadangkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang lain.

Biasanya dari segi tujuan khususnya, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak berapa jelas, walaupun ada huraian di penghujung peraturan-peraturan yang tertentu, tetapi dia tidak menjelaskan dengan terang apa yang ingin dicapai. Kerana pada keseluruhannya bagi beberapa seksyen, dalam beberapa peraturan yang tertentu tidak ada sebab kenapa perubahan harus dilakukan, kerana penjelasannya dalam pemikiran kita pun tidak payah untuk membuat perubahan-perubahan tersebut. Sebaliknya pula dia memberi gambaran bahawa peraturan-peraturan yang ingin ditukarkan itu ialah seolah-olah menyekat pihak pembangkang. Seolah-olah menurunkan peluang untuk berbahas dengan secara objektif, mengurangkan peluang untuk mendapatkan maklumat dari kerajaan atas kepentingan awam, yang berkaitan dengan soalan-soalan yang sepertinya.

Seksyen-seksyen ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah amat menyedihkan kerana di dalam pandangan saya tidak mencerminkan Parlimen yang progresif, Parlimen yang tidak takut memberikan maklumat atas kepentingan awam, tidak takut membuka dada dari segi maklumat dan membebaskan Ahli-ahli Parlimen tanpa ketakutan dengan penggunaan kuasa Speaker untuk menyekat pihak-pihak pembangkang khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, ini tidak sihat, ini tidak konsisten dengan dasar kerajaan yang memberi tekanan kepada transparency and efficiency, dengan izin, dan seterusnya. Baru-baru ini dua bulan yang lalu kita membincangkan bill atau Rang Undang-undang Perbadanan Putrajaya 1995. Kita difahamkan sepertimana yang telah dibentangkan bahawa dia akan menjadi penubuhan satu kota di mana

multi media, corridor, information technology dan seterusnya akan menjadi suatu yang semula jadi, akan menjadi a part of the life di dalam pengurusan Putrajaya nanti. Jadi, bukan sahaja Wawasan 2020 yang menyarankan untuk kita maju ke hadapan dengan lebih dinamik, dengan lebih progresif, tetapi ada perubahan-perubahan di dalam peraturan mesyuarat, yang tidak senonoh, yang tidak selaras dengan saranan-saranan untuk maju ke hadapan. Seterusnya pula mengikat ataupun mengurangkan peluang untuk berbahas khususnya, dengan itu peluang untuk menyumbangkan idea-idea dan seterusnya mengurangkan kualiti perbahasan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh perkara di dalam pendekatan kita dan perhatian harus diambil, di mana kita fikirkan bahawa peraturan-peraturan ini haruslah ditarik balik dan apa yang sedia ada itu dikekalkan.

Pertama, Tuan Yang di-Pertua, mengenai Peraturan Mesyuarat 18(2) yang telah pun disentuh oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini. Kita berterima kasih kepada pihak kerajaan kerana akhirnya di dalam bahagian ini menerima pandangan-pandangan termasuk dari pihak kerajaan dan pihak pembangkang supaya perkara ini ditarik balik. Namun demikian, perkara mengenai notis 24 jam dan penggunaan 200 perkataan ini telah pun dikekalkan.

Sepertimana yang telah disoalkan oleh Yang Berhormat yang lain, kita juga berpendapat bahawa ini tidak perlu. Mengenai memberi notis 24 jam, ini adalah bertentangan dengan tujuan peraturan tersebut yang mengatakan, “bahawa perkara yang tertentu, yang berkenaan, yang penting kepada orang ramai dan berkehendak disegerakan”. Berdasarkan kepada “berkehendak disegerakan”, sepertimana

dalam peraturan yang sedia ada, empat jam itu telah ditentukan kerana ia penting ia harus disegerakan. Kalau ia isu atau perkara yang penting mahupun dari segi yang mendesak khususnya dari segi masalah ekonomi ataupun masalah keselamatan atau bencana alam di mana pihak pembangkang ingin mengambil tindakan secara mengambil inisiatif untuk membawa kepada Parlimen. Perkara itu terjadi, kemungkinan pada malam semalam dan pagi ini kita boleh memberi notis kepada Speaker dalam tempoh 4 jam untuk membenarkan Ahli Yang Berhormat itu membawa perkara itu. Dengan adanya perubahan yang dicadangkan ini, maka dia perlukan 24 jam, iaitu hari esok barulah dia mempunyai peluang untuk membawa perkara itu kepada Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, kita percaya kita mahukan sistem pentadbiran dan jentera kerajaan sepertimana yang diamalkan oleh kerajaan iaitu cekap, efisien, dan proaktif. Tetapi dengan adanya pula memberi notis 24 jam untuk perkara-perkara yang berkehendak disegerakan adalah tidak consistent, dengan izin. Saya juga ingin supaya menteri yang berkenaan mengambil perhatian dalam perkara ini sepertimana yang kita pohonkan menarik balik peruntukan ataupun cadangan perubahan ini. Dari segi 200 perkataan, ini pun telah disentuh dan pihak kita berpendapat bahawa ini Parlimen dan kita bukannya di bangku sekolah di mana kita disuruh membuat kesimpulan untuk memendekkan satu karangan kepada 200 perkataan. Kelmarin telah dikatakan kalau kita memakai komputer yang kecil 200 itu cukup banyak ataupun ditukarkan sekarang kepada muka surat A4 dan banyak perkataan yang boleh dimasukkan. Tetapi itu bukan soal pokok. Soalnya ialah

dari segi prinsipnya. Lagi pun pada saat ini di pihak Yang di-Pertua mengedit mana yang tidak diperlukan.

Saya percaya soal memberi kebebasan kepada mana-mana Ahli Yang Berhormat khususnya daripada pembangkang di dalam peruntukan ini supaya memberi penjelasan yang munasabah kepada perkara yang di bawa di dalam Dewan yang mulia ini dalam apa juga panjangnya penjelasan itu harus diterima daripada menentukan satu constraint dua lembar A4 ataupun pada mulanya 200 perkataan. Ini seolah-olah kalau dibandingkan dengan Parlimen-parlimen yang lain, ia memberikan gambaran yang tidak 'syok'lah dari segi progresif dan kematangannya serta memberi gambaran demokrasi yang tulen sepertimana yang diamalkan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, maka di dalam Peraturan 18(2) kita berterima kasih kerana kerajaan telah menerima cadangan supaya menolak bahagian seterusnya sepertimana yang dicadangkan pada mulanya di mana pihak Yang Berhormat yang berkenaan itu hanya boleh berucap dalam Dewan selepas usulnya itu diluluskan oleh Tuan Yang di-Pertua. Maka dengan itu, walaupun itu kepentingan awam beliau sama sekali tidak dapat berdiri di Dewan yang mulia ini untuk mengutara dan membincangkan perkara itu. Saya percaya ini menyempitkan, mengurangkan peluang untuk membawa perkara-perkara yang penting, kepentingan orang ramai di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyokong hujah-hujah ahli-ahli pembangkang yang lain supaya pihak kerajaan dan menteri yang berkenaan harus

menarik balik perubahan kepada Peraturan 18 sepertimana yang dicadangkan di dalam Penyata Khas Jawatankuasa kerana ia bertentangan dengan kebebasan untuk menyumbangkan lebih lagi kepada perbahasan di Dewan yang mulia ini dan bukan sahaja itu juga kepada mutu dasar-dasar kerajaan seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya dari segi Peraturan 22(4) dan 22(r) sepertimana yang telah dicadangkan. Malah kita berterima kasih kepada pihak kerajaan yang akhirnya tidak memasukkan cadangan pada mulanya iaitu perubahan kepada 22(4) di mana soalan-soalan itu daripada 20 dan sekarang dikurangkan kepada 5. Kita berpendapat bahawa sebenarnya tidak ada masalah yang berbangkit dengan peraturan yang sedia ada. 20 soalan itu cukup banyak dan barangkali tidak juga begitu banyak yang menggunakan sepenuhnya tetapi ada juga yang menggunakan sepenuhnya dan mereka rajin untuk bertanya. Jadi, kenapa kita mahu kurangkan? Kenapa kerajaan takut kepada pertanyaan-pertanyaan atau soalan-soalan? Kenapa tidak takut bekerja. Dikatakan terlampau banyak kerja untuk menyediakan jawapan-jawapan.

Ada Ahli-ahli Yang Berhormat mengatakan antara lain bahawa 20 soalan pun tidak juga kena jawab. Itu bukan soalan pokok, kerana tidak dijawab.

Walaupun kita minta soalan secara bertulis, walaupun soalan mulut dan kita puji kerajaan dari segi ini kerana sedia juga memberi jawapan secara bertulis.

Maklumat-maklumat dari jawapan-jawapan ini adalah penting dari segi rakyat yang kita wakili di kawasan-kawasan pilihanraya dan juga kepada rakyat keseluruhan supaya mereka mengetahui keadaan yang sebenar mengenai perkara-

perkara yang penting yang ditanya oleh Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk pihak Barisan Nasional dan pembangkang. Di sini kita cukup hairan kenapa ada tujuan untuk melakukan itu.

Tuan Yang di-Pertua, yang lebih penting dikatakan juga bahawa dari segi Peraturan 22(r) ini bahawa tidak boleh mengandungi lebih daripada soalan yang berlainan ataupun gabungan, tidak boleh lebih daripada dua pertanyaan. Ini pun kita cukup hairan dan tidak ada sebab kenapa perubahan ini harus dimasukkan kerana apa yang ada sekarang ini walaupun sepertimana yang dikatakan menyusahkan pihak Speaker untuk mengedit dan menyediakan jawapan dan lain-lain tetapi ini negara kita yang mahu maju. Ini negara kita yang mahu melangkah ke Wawasan 2020. Kenapa kita takut bekerja kuat? Kenapa kita takut untuk menjalankan tugas-tugas sepertimana khususnya diminta oleh Wakil-wakil Rakyat melalui Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi kita berpendapat bahawa peruntukan pengubahsuaian yang diberikan ini tidak payah dan apa yang sedia ada itu harus dikekalkan demi untuk mengekalkan sistem yang ada yang difikirkan tidak ada masalah padanya dan juga meneruskan keterbukaan dari segi memberi maklumat dan information freedom, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya pada Peraturan 24(1) dan (2) yang juga telah disentuhkan di mana mengatakan kalau soalan itu telah dijawab oleh pihak menteri pada sesi yang lalu dalam penggal yang sama maka tidak payah untuk dijawab. Dari segi ini kita berpendapat bahawa peruntukan ini tidak

payah sebab ada perkara-perkara di mana walaupun ia dijawab pada penggal yang sama pada sesi yang lalu tetapi masalah itu adalah masalah yang dinamik, masalah ekonomi, misalnya, masalah berdasarkan dengan inflasi. Dua bulan yang lalu maklumatnya lain, jadi kita tanya lagi dalam sesi kali ini sebab ia satu sektor yang dinamik. Jadi, untuk mengikat ataupun supaya tidak memberi peluang untuk mengemukakan soalan berkenaan perkara seperti ini, dengan izin, we are losing transparency, we are losing the opportunity to ask the government untuk membekalkan maklumat yang berguna kepada rakyat, kepada business sector dan seterusnya.

Jadi, ini tidak ada sebab. Lagi pun, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya pihak kementerian yang berkenaan, apabila menteri menjawab, dia boleh menjawab dengan pendek. Dia kata soalan ini telah pun dijawab pada masa yang lalu dan tidak ada perubahan yang baru, itu jawapan juga. Tuan Yang di-Pertua, seksyen ini sekali lagi tidak perlu untuk diubah suai, tidak perlu perubahan ini dimasukkan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya dari seksyen yang telah disentuhkan awal-awal tadi, iaitu seksyen 44(2), sekali lagi kita merayu kepada pihak kerajaan, pihak Perdana Menteri dan menteri yang berkenaan supaya ini tidak payah juga dimasukkan dalam perubahan-perubahan yang dicadangkan. Kerana apa yang ada dalam Peraturan Mesyuarat yang sedia ada mencukupi dan belum pernah diuji, seolah-olah ia tidak mencukupi untuk membanteras masalah yang dihadapi di Dewan yang mulia ini. Saya percaya, dengan memberi kuasa kepada Speaker,

kalau kita perlu yakin bahawa penyalahgunaan itu tidak akan timbul, tetapi sepertimana yang disentuh oleh Yang Berhormat dari Jelutong, itu juga ada keraguan bahawa perkara itu akan timbul. Tidak perlu, tidak ada, walaupun saya baru beberapa bulan di Dewan yang mulia ini, saya difahamkan mereka yang sudah lama di Dewan yang mulia ini, bertahun-tahun, puluhan tahun tidak ada perkara yang timbul, di mana peraturan yang sedia itu tidak mencukupi untuk mengatasi masalah-masalah di mana timbulnya kekacauan di dalam Dewan yang mulia ini. Maka ini pula nanti walaupun dikatakan bahawa ini untuk mendisiplinkan Dewan, I think, Tuan Yang di-Pertua, disiplin itu, kalau peraturan-peraturan yang digunakan untuk mendisiplinkan wakil-wakil rakyat, saya percaya kesannya itu tidak juga akan dicapai. Lebih baik kita tumpukan untuk menanamkan semangat hormat-menghormati dan menghormati peraturan dan adat resam daripada menggunakan peraturan-peraturan yang akhirnya suatu hari kemungkinan disalahgunakan oleh pihak-pihak yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, maka berdasar kepada pandangan-pandangan ini kita minta pihak menteri yang berkenaan supaya beberapa seksyen yang saya sentuhkan itu ditarik balik, tidak dimasukkan di dalam perubahan atau cadangan perubahan yang dibentang di Dewan mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan beberapa perubahan yang lain kita terima. Ia memang baik dan progresif. Tetapi yang telah saya sentuhkan itu dan disentuh oleh pihak Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, haruslah kerajaan peka dan mengambil perhatian sepertimana yang dipohonkan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kita masuk abad ke-21, kita bincangkan Wawasan 2020 dan kerajaan mempunyai matlamat, motto sepertimana digunakan dalam pilihanraya Parlimen yang baru, berwawasan, efisien dan adil dan seterusnya, maka perubahan yang dicadangkan di sini tidaklah selaras dengan cita-cita, slogan-slogan seperti begitu. Saya percaya bahawa kerajaan harus mengambil masa dan tenaga yang lebih banyak untuk meningkatkan imej profesionisme di dalam Parlimen dan di dalam pengurusan Parlimen, daripada menggunakan perubahan-perubahan kepada Peraturan-peraturan Mesyuarat yang akibatnya itu tidak jelas dari segi tujuan dan matlamatnya. Apa yang kita inginkan ialah Parlimen yang lebih demokratik, lebih efisien, lebih proaktif, di mana perbahasannya lebih berkualiti dan di mana pihak kerajaan sentiasa terbuka untuk ditegur. Semuanya ini haruslah sifat-sifat yang dicari dan dikejar sesuai dengan matlamat kerajaan untuk maju ke hadapan dalam semua segi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya juga ingin menyarankan supaya beberapa tindakan diambil untuk mempertingkatkan lagi keadaan dan juga keberkesanan pentadbiran Parlimen. Sepertimana yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, kita sedia maklum bahawa dari segi penglihatan dan pengetahuan kita bahawa Parlimen is under staff dari segi bantuan-bantuan yang diperlukan, staff-staff yang membantu untuk memberi pertolongan kepada jawatankuasa-jawatankuasa yang tertentu.

Dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, perpustakaan ialah satu daripadanya, di mana sebagai satu perpustakaan yang harus dianggap penting

kerana perpustakaan bagi Ahli-ahli Parlimen dan kerajaan juga, maka harus tindakan khusus diambil supaya bukan sahaja mempertingkatkan koleksi yang ada di sana dengan tajuk-tajuk yang lebih sesuai kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh negara kita, tetapi juga dari segi jumlah bahan-bahan yang ada di sana. Jadi, satu, adalah dari segi mutu bahan-bahan yang ada. Dan kedua, daripada priority, dengan izin, bahan-bahan rujukan yang sedia ada di sana. Kita juga mencadangkan supaya rujukan-rujukan itu haruslah dibuat dengan on-line melalui komputer, kerana ini Parlimen. Pada saat ini ada 192 Ahli-ahli Parlimen, saya percaya banyak juga yang rajin membuat penyelidikan sepertimana yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Maka kita ingin memohon supaya pihak pengurusan dan pentadbiran Parlimen, khususnya kerajaan mengambil tindakan ke arah ini supaya rujukan-rujukan itu dibuat ke dalam komputer dan on-line.

Kita juga cadangkan supaya *Hansard* itu dibuat on-line dalam komputer dan senang untuk rujukan, supaya kalau kita ingin sentuh perkara yang penting kepada negara kita dan ingin cari rujukan pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam sesi-sesi dan penggal-penggal yang lalu, khususnya pada tahun-tahun 80-an, maka kita mempunyai *Hansard* yang senang untuk disusuli dan bibliography yang teratur sepertimana dilakukan dalam Parlimen-parlimen di Western Australia dan di Victoria di sana.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya juga mencadangkan supaya dari segi services atau perkhidmatan yang dapat dinikmati oleh Ahli-ahli Yang

Berhormat di Dewan yang mulia ini mengenai perpustakaan supaya ada internet, line internet ditubuhkan di sana supaya beberapa line yang boleh dibekalkan supaya Ahli-ahli Parlimen yang ingin merujuk kepada perkara-perkara yang penting mahupun dari segi undang-undang ataupun ekonomi dengan merujuk kepada maklumat-maklumat di peringkat antarabangsa, di Amerika Syarikat atau di England, boleh keluar sebentar dan dalam masa 10 minit boleh kembali dengan bahan yang diperlukan. Kerana sepertimana kita tahu, internet atau Jaring ini mempunyai kebolehan sebagai satu information highway yang boleh membantu kita dalam semua segi, dari segi maklumat dan dari segi pembangunan khususnya.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa Jabatan Parlimen belum lagi mempunyai E-mail. Melalui internet, kita bercadang supaya ini dilakukan dengan secara segera, kerana dalam masa enam jam ataupun dua jam kita boleh berdaftar dengan Jaring dapatkan akaun dalam internet, dan ia begitu murah sekali supaya Ahli-ahli Parlimen yang sudah fasih dalam menggunakan internet ini boleh menghantar soalan-soalan dan menjawab surat-surat melalui E-mail terus kepada akaun ataupun E-mail akaun oleh Setiausaha Dewan. Jadi, saya bercadang, Tuan Yang di-Pertua, sesuai dengan perubahan dari segi teknologi maklumat bahawa pihak Parlimen juga tidak ketinggalan dari semua segi, khusus dalam perkara-perkara yang saya sentuhkan. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang depan, Ledang.

5.59 ptg.

Tuan Hashim bin Ismail [Ledang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, seperti rakan-rakan yang lain, saya juga menyambut baik dan mengalu-alukan cadangan pindaan terhadap Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat yang dibentangkan semalam.

Tuan Yang di-Pertua, keseluruhan pindaan-pindaan yang dicadangkan ini adalah semata-mata bertujuan untuk mengangkat kualiti dan martabat Dewan yang mulia ini. Misalannya, pindaan Peraturan Mesyuarat 17(1) di mana hanya menteri dipertanggungjawabkan untuk menggulung atau memberi jawapan kepada ucapan-ucapan yang dibuat. Ini bukan bererti bahawa timbalan-timbalan menteri atau setiausaha-setiausaha Parlimen tidak berupaya memikul tugas ini. Tetapi langkah ini adalah satu bukti yang amat jelas tentang keikhlasan dan kesungguhan serta komitmen kerajaan Barisan Nasional dalam mengendalikan sebarang isu yang dibangkitkan di Dewan ini.

Cadangan-cadangan pindaan lain pula, adalah berkisar kepada usaha mengawal perilaku Ahli-ahli Dewan supaya menjadi ahli-ahli yang bertanggungjawab, berdisiplin, beretika, berperangai baik, tidak kasar dan tidak angkuh seperti setengah-setengah ahli daripada parti pembangkang.

Kita tidak mahu Dewan yang mulia ini menjadi gelanggang melepaskan geram dengan menggunakan perkataan-perkataan yang kasar dan tidak sopan dan gelanggang perbahasan penuh emosi. Kita juga tidak mahu apa yang berlaku di Dewan Parlimen Taiwan, yang amat memalukan dan dicemari dengan tindakan-

tindakan yang tidak bertamadun itu, akhirnya berlaku di Parlimen Malaysia, jika karenah sesetengah Ahli Dewan yang kasar dan tidak sopan itu dibiarkan tanpa sebarang kawalan dan sekatan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan ini juga bertujuan untuk meningkatkan kualiti perbahasan ahli-ahli supaya tidak membuat ucapan-ucapan yang meleret-leret dan juga mengurangkan kecenderungan, mengemukakan soalan-soalan yang tidak relevan ataupun mengganggu kelicinan ucapan anggota-anggota lain dengan soalan-soalan yang juga tidak relevan.

Kerajaan Barisan Nasional yang telah diberikan mandat dan kemenangan besar oleh rakyat, bertanggungjawab memastikan Parlimen yang menjadi lambang kebanggaan sistem demokrasi negara ini, harus menjadi satu badan perundangan tertinggi yang berwibawa dan dihormati. Matlamat ini hanya boleh dicapai melalui pindaan-pindaan yang bertujuan baik seperti ini.

Dewan ini akan hanya dihormati jika kita sendiri iaitu Ahli-ahli Dewan ini berusaha memelihara dan mengangkat martabatnya melalui perbahasan yang intelektual, sopan dan penuh disiplin.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Dewan daripada parti-parti pembangkang harus ikhlas dan bersifat terbuka dalam membahaskan pindaan ini. Janganlah perkara-perkara teknikal diperbesar-besarkan, sedangkan hikmat dan kebaikan disebalik cadangan pindaan ini diketepikan begitu sahaja tanpa diberikan perhatian dan penghargaan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Yang di-Pertua diberikan kuasa yang lebih melalui pindaan ini, kita yakin mereka tidak akan menyalahgunakan kuasa itu kerana selama ini pun Yang di-Pertua telah menjalankan tugas mereka dengan penuh budi bicara, bijaksana dan tolak ansur yang mengkagumkan, hanya segelintir Ahli-ahli Dewan tertentu sahaja yang tidak senang dengan pindaan ini kerana ianya menyekat mereka daripada menjadi terlalu angkuh dan terlalu sombong.

Tuan Yang di-Pertua, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada parti pembangkang, saya akhirnya ingin mengingatkan mereka kepada kata-kata Frank A. Clark yang berbunyi: ‘Criticism like rain should be gentle enough to nourish a man growth without destroying his routes’, dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong pindaan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Jelebu.

6.04 ptg.

Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]: Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain bagi menyatakan sokongan kepada pindaan peraturan-peraturan yang sedia ada di hadapan kita terutamanya mengenai dengan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh rakan-rakan Ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional dan juga pihak pembangkang yang seolah-olah tidak faham.

Tuan Yang di-Pertua, kalau semalam kita telah mendengar, Tuan Yang di-Pertua telah pun memohon maaf di atas kesilapan yang tidak dapat dielakkan, tetapi sejak semalam sehingga hari ini masih dibangkitkan lagi, seolah-olah orang yang tidak erti bahasa. Tidak tahu bahawa kata-kata mohon maaf itu apa ertinya. Hari ini masih lagi dibangkitkan oleh parti pembangkang.

Jadi, kesilapan ini ada di mana-mana. Selagi kita ini bergelar manusia, Tuan Yang di-Pertua, memang kita ada mempunyai kesilapan dan kesalahan. Kalau dahulu ada pihak yang terlibat dalam kemalangan pun, adalah di atas kesilapan. Siapa yang hendak terlibat dalam kemalangan? Seheinggakan Ketua Pembangkang sendiri terpaksa duduk dalam hospital, mungkin kesilapan tayar kereta, kesilapan cara kita memandu dan macam-macam kesilapan. Jadi, semalam, Tuan Yang di-Pertua kita telah pun mohon maaf di atas kelewatan, kesilapan ini yang tidak dapat dielakkan. Tetapi masih lagi mempersoalkan perkara ini. Kita amat kesallah dengan tindak-tanduk pihak pembangkang yang tidak erti bahasa ini, tidak faham Bahasa Malaysia. Kemungkinan kesilapan ini juga berlaku disebabkan oleh technical problem, dengan izin, yang tidak dapat kita elakkan. Kita akui bahawa rata-ratanya kakitangan yang ada di dalam Dewan yang mulia ini, di Bahagian Pentadbiran Parlimen dan sebagainya, banyak orang baru yang kemungkinan pengalamannya agak kurang, jadi kemungkinan kesilapan ini berlaku daripada sini.

Apabila Tuan Yang di-Pertua selaku ketua pentadbir di sini, memohon maaf, kita patut terimalah, apa kita hendak cerita-cerita lagi? Tetapi pembangkang

ini tidak erti, jadi itulah yang kita agak kesal sedikit tentang sikap. Saya ingin bertanya, apakah imej seseorang pembangkang itu berdasarkan kepada stylenya, bahasa yang dikeluarkannya, tindak-tanduknya, perlakuannya ataupun apakah imej parti pembangkang itu sendiri?

Saya mengenali rakan-rakan daripada parti pembangkang ini sejak tahun 1982 lagi, bila saya bertugas sebagai pegawai kerajaan. Saya pun datang juga ke Parlimen waktu itu, tetapi duduk dibarisan pegawai-pegawai kerajaan, masuk juga ke dalam Parlimen walaupun tidak jadi Ahli Parlimen. Kita tengok cara mereka tidak berubah-ubah. Kalau hendak bercakap itu dengan muka yang ‘cengih’, tidak senyum pun, dengan tunjuk di sana, tunjuk di sini, satu tunjuk kepada orang, tiga tunjuk kepada dia, yang ini harus kita sedar. Cara itu memang tidak berubah, kalau hendak marah, hendak jerkah menteri itu, dengan cara yang sepontan sahaja, langsung tidak ada sifat adab sopan, bahasa yang halus dan sebagainya.

Inikah cara budaya orang Malaysia? Tidak usah kita sebutlah orang Melayu ataupun orang mana, orang Malaysia yang selalu diutarakan oleh parti pembangkang. Kita rakyat Malaysia yang berbudaya, berbahasa, berketurunan baik dan sebagainya. Apakah parti pembangkang tidak boleh membantu kerajaan untuk membina sama-sama membentuk masyarakat yang berbudaya, yang bertika tinggi, yang berperadaban dan sebagainya?

Apakah ciri-ciri seseorang parti pembangkang, mesti ganas, mesti angkuh, sombong, mesti bercakap itu dengan nada yang tinggi, - apakah itu? Marah dengan muka yang tidak tahu langsung senyum, baik di dalam ataupun di luar

Dewan, apakah mereka tidak tahu hendak bercampur dengan rakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, hendak duduk minum teh dan sebagainya. Dan ciri-ciri inilah yang menjalar jauh sampai ke peringkat bawah ke akar umbi. Kalau di kampung-kampung kita tengok sahaja pembangkang, antara pembangkang dengan Barisan Nasional, seolah-olah hendak bergaduh besar, hendak bertumbuk, hendak bertinju dan sebagainya.

Tuan yang di-Pertua, kita boleh lihat dalam keadaan pilihanraya yang lalu, isu yang dibuat tidak sebanyak mana, tetapi cara mereka bertindak, blok sana, blok sini, tidak boleh masuk calon Barisan Nasional dan sebagainya dalam kawasan mereka. Apakah ada undang-undang yang ditentukan kepada parti pembangkang, orang-orang parti pembangkang, calon-calon pembangkang masa itu, boleh buat road block tidak tentu hala? Baca Akta Pengangkutan Jalan kalau kita hendak buat block jalan mana-mana pun dengan kenderaan yang ada oleh pembangkang, boleh sewenang-wenangnya boleh meletakkan kenderaan, blok kenderaan orang lain, tidak boleh masuk dalam sesuatu kawasan. Ini tabiat yang tidak begitu baik. Apakah ini menunjukkan ciri-ciri budaya cemerlang, yang rata-ratanya dimiliki oleh orang-orang Melayu, orang-orang Malaysia? Jadi, parti pembangkang harus melihat perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya di Jelebu ini memang kita tahulah, cara-cara budaya orang pembangkang ini memang tidak boleh, kata orang, diberikan kredit langsung. Tetapi Alhamdulillah, dengan perangai tingkah laku yang sedemikian

membuatkan orang Barisan Nasional meluat, sebab itu saya boleh menang, Tuan Yang di-Pertua, di kawasan Parlimen Jelevu ini, Alhamdulillah!

Alhamdulillah, dengan perangai yang tidak sopan langsung itu membuatkan orang marah. Jadi, kredit diberikan kepada kita. Kalau boleh diteruskan cara macam itu tidak mengapalah, parti pembangkang akan terus kalah, tetapi janganlah di dalam Dewan ini. Kita di dalam Dewan ini, Dewan yang mulia, kalau ahli-ahli parti pembangkang itu sudah sejak lama, sudah berpuluh-puluh tahun tetapi cara tidak berubah juga, sejak dari saya jadi pegawai kerajaan dahulu lagi duduk di sebelah sana melihat cara mereka macam itu juga. Kita kena berubahlah, makin tua makin berubahlah kita ini. Kalau ubi itu makin lama makin berisi, kelapa itu makin lama makin banyak minyaknya, banyak santannya. Kita pula manusia, makin lama makin tidak beradab dan makin tidak ada sopan santun.

Dalam usaha kita sekarang ini kita hendak mewujudkan manusia atau masyarakat yang berperadaban, masyarakat yang berakhlak tinggi, masyarakat yang berbudaya, masyarakat yang bersopan santun. Kita tidak nafikan ada di kalangan ahli-ahli Pembangkang yang juga bersopan santun, terutamanya rakan-rakan kita yang lama-lama seperti Yang Berhormat dari Kepong - adalah nampaknya dan saya hormatlah dengan cara dia bercakap, tetapi kadang-kadang dia kutuk orang itu pun tidak kena juga. Kita ini biarlah cakap beralas, kita tengok, kalau Menteri itu kalau kita hendak katapun janganlah kata sewenang-wenangnya, macam kita marah kepada anak-anak pula. Ini satu keadaan yang tidak diizinkan oleh masyarakat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengoklah di dalam Dewan yang mulia ini banyak perubahan. 10 tahun dahulu kalau kita lihat dan kita duduk dalam Dewan

ini, baik di peringkat pegawai kerajaan dan sebagainya, sekarang ini sudah berubah. Kita kena akui bahawa perubahan ini sudah dilakukan oleh pentadbiran Dewan ini juga bahagian yang berkenaan. Begitu juga di kawasan luar di ruang legar dan sebagainya, banyak kemudahan yang telah dibuat dan di dalam pejabat sendiri pun telah banyak alat yang begitu canggih yang telah dibekalkan. Walaupun pegawai dan kakitangannya telah berubah dan bertukar, macam mana pun, mereka sudah tentunya pasti, seperti bahagian Pentadbiran, mempunyai satu perancangan ke arah melatih kakitangan mereka untuk lebih cekap. Jadi, apa yang kita hendak persoalkan? Tidak payahlah kita hendak bangkitkan lagi - dua, tiga kali dan dua, tiga orang ahli Pembangkang pun bercakap pun mengenai masalah teknikal yang telah pun disuarakan oleh Tuan Yang di-Pertua - minta maaf - tidak erti! Tidak tahu bahasa, jadi, nampak seolah-olah dalam Dewan ini apabila Pembangkang hendak bercakap, macam hendak menimbulkan rasa geram, benci dan sebagainya. Apalah salahnya bercakap dengan nada yang baik, nada yang bersopan santun, tidak perlu kita melaung-laung dan bertempik-tempik, bukan kita bercakap berbatu-batu. Kita bercakap sesama kita sahaja di dalam ini - Ahli Yang Berhormat.

Kalau dahulu, sewaktu saya menjadi pegawai kerajaan, tengok sahaja kereta Ahli Yang Berhormat, tidak kira Pembangkang saya 'salute' saya angkat tabik, sebab itu saya melatih anak-anak buah saya yang beruniform, tidak kira siapalah, sama ada Pembangkang ataupun Wakil Rakyat Barisan Nasional, lambang itu hendaklah kita respect 'salute', saya katakan walaupun dalam keadaan itu kamu

duduk di check point - memeriksa lesen dan sebagainya - 'salute'. Tetapi ada di antara Ahli Yang Berhormat Pembangkang kita tidak balas pun 'salute' itu, tidak erti dihormat - ini terjadi. Walaupun pemandunya agak bersopan, tetapi taukenya di belakang langsung tidak peduli. Apa salahnya lambai tangan dan sebagainya. Ini pegawai kerajaan Barisan Nasional, tetapi Ahli Yang Berhormat Pembangkang langsung tidak peduli, tidak erti hendak dihormat oleh orang.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat, Tanjung minta penjelasan.

Tuan Yunus bin Rahmat: Nanti dahululah Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap dahulu.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Dia tidak beri Yang Berhormat.

Tuan Yunus bin Rahmat: Nanti dahululah, duduk dahulu. Saya ini orang baru, Ahli Yang Berhormat orang veteran kena beri laluanlah kepada saya, beri chancelah dahulu. Jangan sentuh banyak-banyak sangat.

Tuan Yang di-Pertua, kita akui bahawa Dewan yang mulia ini sudah banyak berubah, oleh kerana berwawasan, adil dan efisienlah - adil, di situ, Pembangkang kena akui. Kalau masyarakat Malaysia di negara kita ini tidak adil, saya rasa tidak ada 'chance' 30 kerusi itu dapat kepada DAP. Sebab adillah, orang ramai dan pengundi-pengundi rasa adil, maka kena ada pembangkang. Sebab itu

dapat 30 kerusi dalam Dewan, kalau tidak mungkin tidak ada chance. Tetapi apa yang kita hendak persoalkan dengan berwawasan, adil dan efisien?

Ketua-ketua jabatan dan ketua-ketua kerajaan, dia tahu - dari semasa ke semasa ada programnya, ada unjurannya, bagaimanakah bentuk untuk meninggikan lagi dan untuk mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan kepada orang ramai. Macam tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan menjawab, saya sebenarnya bukan hendak memuji kementerian. Oleh sebab saya bekas kakitangan kerajaan dan saya begitu bangga melihatkan JPJ dari semasa ke semasa telah mempertingkatkan service, saya tahu kerana saya involve dalam program pengkomputeran ini tetapi ada Ahli Pembangkang yang kata macam-macam. Dia tidak faham apa dia Piagam Pelanggan dan juga Masa Perkhidmatan itu, kalau hendak kira dari rumahnya ke pejabat, memanglah. Saya setuju dengan Ahli Yang Berhormat, Timbalan Menteri Pengangkutan. Ini hendak kira congak-congak, macam orang tidak sekolah. Adakah bentuk soalan macam itu ditanya dalam Dewan ini. Kita mengatakan tentang service yang boleh dibuat oleh komputer. Maksudnya, bila counter clerk itu menerima permohonan itu, dia proses 3 minit sahaja. Ini maksudnya. Bukannya Ahli Yang Berhormat itu datang dari rumahnya dengan komputer, dengan kereta dia. Kalau jam jalan itu satu jam pun tidak selesai. Ini dia bentuk soalan yang saya rasa tidak logik langsung, macam hendak uji sahaja.

Ahli Yang Berhormat tahukah berapa juta JPJ membelanjakan untuk proses komputer ini? Dan berapa peratus kenaikan pendapatan kepada kerajaan dengan

adanya perkembangan dan peningkatan daripada manual system, dengan izin, kepada computerisation system atau on-line system. Ahli Yang Berhormat tidak pernah tanya pun berapa pendapatan negara. Kalau pada tahun 1993 dahulu RM1.8 bilion yang dihasilkan di mana JPJ merupakan jabatan yang ketiga terbanyak membuat kutipan kepada kewangan negara. Memang ada kelemahan sedikit sebanyak. Takkan hendak tip-top on the spot, beransur-ansurlah, tentu ada improvement. Ini, perangai masing-masing tidak ada improvement, perangai yang orang kata.....

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat Yan bangun.

Tuan Yunus bin Rahmat: Okeyleh, dia rakan saya dan saya belajar banyak daripada Yang Berhormat Yan.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat setuju atau tidak dengan saya? Ini pandangan sayalah. Kita boleh ibaratkan mereka ini macam gendang raya. Yang Berhormat setuju atau tidak kita kata macam gendang raya ini? Tetapi kalau kita guna mereka marah pula. Tetapi ini peribahasa dan mereka kena faham peribahasa, macam anjing menyalak bukit - 'wow' 'wow' 'wow' tetapi bukit itu macam itu juga. Yang Berhormat setuju atau tidak dengan saya?

Tuan Yunus bin Rahmat: Saya setuju dengan tok guru saya ini. Saya memang setuju, bila orang tidak faham, kita kias-kias pun dia tidak erti juga dan kalau kita bercakap dengan terus terang pun dia pun tidak faham, tidak erti dia.

Jadi, kita lupakanlah cara dia itu, tetapi kita minta janganlah dok timbulkan semangat benci dan marah di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat Barisan Nasional. Bila hendak bercakap itu tanyalah elok-elok. Jangan tunjuk-tunjuk tidak tentu arah. Saya cukup pantang kalau orang tunjuk muka saya, kalau hendak tanya, tanyalah betul-betul, janganlah tunjuk-tunjuk macam menuding jari pula. Kita hendak marah kepada anak kita pun tidak macam itu.

Tuan Yang di-Pertua, adakah logik, kita bercakap dengan seorang Menteri, Ahli Yang Berhormat, yang mentadbir negara kita, bila bercakap tunjuk-tunjuk macam itu sahaja. Kalau di gunakan bahasa yang.....tidak sedap pula, tetapi orang kata tidak erti dan tidak tahu berbudi bahasa. Rakyat Malaysia dan bangsa Malaysia yang tidak ada budi bahasa.

Saya pun dari kecil hidup dengan orang-orang Melayu, orang-orang Cina, orang-orang Asli, orang India tetapi kita tahu bersopan-santun. Tidak ada kawan-kawan kita yang berbagai bangsa, yang membuat perkara-perkara yang tidak senonoh. Dia pun tahu budi-bahasa orang kampung tetapi orang cerdik, orang yang berpolitik lama, berkelulusan yang tinggi, menunjukkan cara yang tidak sopan langsung. Apakah ini budaya kita?

Kita ini orang-orang baru. Tunjukkanlah cara yang lebih baik sedikit supaya kita boleh belajar. Yang ada dalam Dewan yang mulia ini pun bukan orang yang tidak sekolah. Semua bersekolah. Semua dibesarkan, ditunjuk-ajar oleh emak-bapa dari kecil pun. Kalau orang Melayu, diberikan mengaji Mukaddam dan sebagainya. Kita faham lah. Cakap sedikit pun kita tahu. Tidak payahlah hendak

tempik-tempik. Mikrofon ini berapa ratus harganya, boleh dengar punya. Tidak payah hendak tempik-tempik macam orang hilang akal dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, saya bersetujulah supaya kemudahan-kemudahan yang ada di Dewan yang mulia ini, baik di dalam mahupun di luar dipertingkatkan lagi. Kalau kita lihat rakan-rakan pemandu kita, bila tengok di bawah itu, Tuan Yang di-Pertua, kasihan mereka. Duduk, lepak di tangga itu. Kadang-kadang tidak nampak cantiklah. Kita ini Parlimen. Kalau boleh fikirkanlah. Buat satu ruang untuk mereka duduk-duduk, boleh bersembang-sembang sementara menunggu tauke turun.

Kalau dahulu di pejabat, kita ada siapkan satu ruang ataupun bilik pemandu dan sebagainya. Berilah mereka seronok sedikit. Takkan hendak duduk dalam kereta sahaja, hujan, panas dan sebagainya. Kita bersidang dari pukul 2.30 petang sampai ke pukul 6.30 petang. Kadang-kadang sampai pukul 8.30 malam. Jadi, kita fikirkan juga kebajikan mereka ini.

Begitu juga masalah tandas, kebersihan dan sebagainya haruslah dipertingkatkan. Saya juga bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar tentang kantin kita dan sebagainya. Tetapi walau bagaimanapun, sejak 10 tahun yang dahulu, memang saya nampak perubahan yang begitu amat sangat baik. Tetapi kalau boleh, memang kita pertingkatkanlah. Saya dahulu bertugas ke Parlimen ini sejak tahun 1982 sampai 1987. Saya memang tahu sangatlah keadaan di luar Dewan. Tetapi memang kita akui bahawa banyak pertambahan dan pembaharuan.

Jadi, kalau dapat kita fikirkanlah lagi supaya Dewan yang mulia ini dan juga Parlimen kita ini dihormati dan orang datang pun senang, suka hati bekerja. Sebab itu, kita Backbenchers ini, datang on time. Tidak macam rakan-rakan kita ahli-ahli pembangkang. Datang lewat, masuk-masuk jerkah orang. Tidak mengerti hujung pangkal, jerkah orang. Macam mana? Masuk lewat.

Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, Yan bangun.

Tuan Yunus bin Rahmat: Sila, sila.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Yang Berhormat, sudah datang lewat, Kepong lena, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yunus bin Rahmat: Saya setuju, Tuan Yang di-Pertua. Ada yang lena, ada yang baca buku, ada yang duduk tanpa.... Duduk cara elok-eloklah. Jangan duduk, lutut di meja. Jadi, yang ini yang kita kata, budaya orang Melayu ini tidak macam itu. Budaya orang Melayu ini duduk elok-elok. Kalau kita hendak bercakap, address kepada Tuan Yang di-Pertua, bukan dok melilau, mata tang ni. Dok berlegar keluar, tidak tahu apa yang ditengok.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara-perkara yang cuba diajukan untuk dipinda perubahannya, saya setujulah tetapi mengenai dengan soalan tambahan ini, kalau disebutkan tidak boleh lebih dua soalan tambahan dan sebagainya, kita hendak supaya kalau boleh, Yang Berhormat Menteri berkenaan memikirkkanlah,

kalau boleh soalan tambahan itu diberikan keutamaan kepada penanya asal. Sebabnya, kadang-kadang ada di antara jawapannya yang tidak begitu khusus. Ada perkara yang ada ruang lagi boleh seseorang Ahli Dewan itu bertanya balik.

Jadi, kalau tidak diberikan keutamaan kepada penanya asal, mungkin kecewa yang amat sangatlah. Sebab saya tahu ada di kalangan jabatan dan agensi ini yang betul-betul prepare jawapan yang tip-top, siap dengan figure dan sebagainya. Kadang-kadang yang kita tidak tanya pun dia jawab. Tetapi ada di antara jabatan dan agensinya yang ambil sambil lewa sahaja. Kadang-kadang menteri hendak cepat, dia buat sambil lewa sahaja. Jadi, ini kita tidak nafikan sebab ada di antara rakan-rakan kita yang menjawab soalan itu yang kadang-kadang kita tidak puas hatilah hendak dengar. Seolah-olah ada benda yang tidak dijawab di dalam itu, tidak dihuraikan. Mana yang rahsia itu, rahsialah. Tetapi yang tidak rahsia, ceritalah habis-habis.

Kita bukan hendak mengenakan kementerian sebenarnya, bukan. Kita hendak highlightkan apakah kementerian dan jabatan buat sebenarnya. Sebab itu kita tanya. Kalau hendak tahu, buat apa saya hendak tanya JPJ? Sebab saya bangga dengan JPJ. Saya sebagai bekas kakitangan kerajaan. Saya bangga apa yang kita buat sebab itu saya hendak tanya. Sebab saya hendak promotekan. Kadang-kadang orang tidak mengerti, tidak faham apa yang JPJ buat. Sebab itu kita hendak tanya, Tuan Yang di-Pertua. Bukan hendak mengena, bukan. Sebab kita tahu. 9 tahun dalam JPJ, kita tahulah.

Jadi, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri jangan rasa apa-apa pula sebab kita hendak bantu promote JPJ. Saya cukup bangga. Orang kata hendak beri publisiti sedikit. Rakan-rakan kita daripada akhbar pun tolong tengoklah. Kadang-kadang kita bukan hendak nama kita keluar sangat tetapi biar orang kampung tahu. Macam kata Yang Berhormat dari Yan, “orang kampung suruh tanya”. Jadi, kalau kita tidak tanya, dia kata Yang Berhormat dari Jelevu tidak bercakap pula. Susah pula kita bila balik kampung, hendak jawab pula cerita dia. Ini masalahnya. Bukan kita hendak sangat nama kita keluar tetapi cerita yang betul, boleh kita keluarkan, kita keluarkanlah. Boleh kita keluar, kita keluarkan.

Macam dahulu, saya pernah highlightkan supaya JPJ memikirkan ujian parking itu dihapuskan. Alhamdulillah, dua, tiga hari yang lepas sudah dinyatakan oleh Yang Berbahagia Tuan Ketua Pengarah JPJ bahawa ‘L Parking’ dihapuskan. Saya cukup seronok sebab saya tahu parking ini bukan menimbulkan masalah accident. Accident ini on the road. Kita tambahkan masa. Biar testing siang, malam dalam keadaan yang lain. Testing hari siang, satu jam. Testing hari malam, satu jam umpamanya. Dalam keadaan mana pun supaya bakal-bakal pemandu ini boleh menerima keadaan dan dia akan menjadi cekap. Kita hendak melahirkan pemandu-pemandu yang berhemah tinggi. Pemandu-pemandu yang berhemat dan sebagainya. Tidak apalah. Parking itu tidak payahlah. On the road itu mustahak. Cara hendak check minyak hitam, hendak check minyak, air dan sebagainya. Ini orang-orang tidak mengerti, tidak tahu. Jadi, inilah saya minta ditekankan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri

Pengangkutan di atas jawapan dan di atas langkah-langkah yang telah dibuat oleh pihak JPJ. Saya rakamkan ucapan terima kasihlah kepada bekas Ketua Pengarah saya. Saya cukup respect dengan Tuan Haji Pahamin Rejab kerana seruan saya ini telah disahut, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, tentang soalan tambahan tadi. Kalau boleh, jabatan dan agensi ini preparelah soalan-soalan tambahan. Kalau dahulu, saya bekerja dengan Timbalan Menteri, bos saya dahulu, saya prepare at least 5 soalan tambahan supaya rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat ini boleh tanya. Jadi, bos kita sudah ada jawapannya. Bermakna simply jawab. Jawab sahaja. Jadi, biarlah dengan detail. Tolonglah bos kita ini. Mintalah pegawai-pegawai yang bertugas daripada jabatan dan agensi, fikirkan sama, soalan tambahan yang dijangka keluar supaya Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang menjawab itu akan adalah basic point dan sebagainya.

Jadi, kadang-kadang kita pun rasa tidak puas hati. Bila kita tanya, yang menjawab itu just simply tiga patah sahaja menjawab sedangkan soalan yang kita tanya sampai 6, 7 baris. Dia jawab 3, 4 patah perkataan sahaja, 3 baris dan sebagainya. Kita pun rasa frust, Tuan Yang di-Pertua. Sebab saya dahulu pegawai kerajaan, saya tahulah. Kita hendak tolong bos kita, macam-macam. Kita buat spot questions dan sebagainya. Prepare dengan statistik dan sebagainya. Jadi, inilah saya minta supaya imej jabatan dan kementerian itu akan meningkat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa sudah cukup untuk hari ini. Yang Berhormat kena sambung esok.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.